Hujung Minggu
Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤتيقن تيته
**PETIKAN TITAH**

"PARA pemimpin yang berjiwa besar dalam Perkhidmatan Awam, perlu lebih peka terhadap orang bawahan mereka. Tugas dan tanggungjawab mereka bukan sekadar menjadi ketua di dalam jabatan atau bahagian atau unit, tetapi juga bersedia untuk memberikan tunjuk ajar atau bimbingan kepada orang bawahan jika mereka itu berhadapan dengan sebarang kesulitan. Inilah namanya keprihatinan pemimpin terhadap anak buah".
- Titah Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25 pada 22 Safar 1440 / 31 Oktober 2018.

مانيسڽ ايمان
**MANISNYA IMAN**

"MEREKA yang demikian itu sia-sialah amalan mereka di dunia dan di akhirat dan mereka itulah orang yang rugi".
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 69).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 8 | 18 JANUARI 2020 / 22 جمادى الأول 1441 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# Berkenan menerima mengadap 18 Ketua Delegasi ATF

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap seramai 18 orang ketua delegasi yang terdiri daripada Menteri-Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan wakil-wakil Menteri ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN; Setiausaha-setiausaha Agung Pusat-pusat ASEAN; serta wakil Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) yang menghadiri Forum Pelancongan ASEAN (ATF) Ke-39 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam dari 12 hingga 16 Januari 2020.

**Ke muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan beramah mesra bersama ketua delegasi yang menghadiri Forum Pelancongan ASEAN (ATF) Ke-39. Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.**

IKUTI KAMI DI
APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

# Didakwa bersalah atas 14 tuduhan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Januari. - Yang Arif Hakim Gareth John Lugar-Mawson menyampaikan keputusan beliau di dalam kes terhadap pasangan pegawai kehakiman, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua) di Mahkamah Tinggi, hari ini.

Perbicaraan kes tersebut telah diperdengarkan selama enam minggu di antara bulan September dan November 2019.

**Ke muka 5**

# Titah perutusan tahniah buat TYT Mikhail Mishustin





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mikhail Mishustin, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Persekutuan Rusia.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mikhail Mishustin, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Persekutuan Rusia.

Dalam titah perutusan tahniah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Rusia menikmati persahabatan mesra dan kerjasama yang erat baik di peringkat dua hala mahupun sebagai rakan kongsi serantau.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berharap akan dapat bekerja bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Persekutuan Rusia dalam mempertingkatkan lagi kerjasama di pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama bagi kemanfaatan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Buat mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap Tuan Yang Terutama akan beroleh kejayaan dalam kerjanya dan semoga rakyat Persekutuan Rusia akan beroleh kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.

# Berita Utama







E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn* Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004 Layari Laman Web : *www.pelitabrunei.gov.bn*

# MPMK : Penglibatan aktif belia penting

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di Bengkel Pengukuhan Kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung khusus bagi Pemangku Penghulu Mukim dan Pemangku Ketua Kampung.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Daerah kerana menganjurkan bengkel ini khusus untuk Ketua-ketua Kampung yang baru dilantik di bawah Skim Perkhidmatan Baharu serta Pemangku Penghulu dan Pemangku Ketua Kampung. Saya juga sukacita mengucapkan tahniah kepada semua Ketua-ketua Kampung yang baru dilantik di bawah Skim Perkhidmatan baharu dan penghargaan kepada Pemangku Penghulu dan Ketua Kampung yang telah bersedia untuk menerima lantikan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab ini. Abis kita semua adalah sebenarnya adalah pemimpin masyarakat di mukim dan kampung yang telah diberikan kepercayaan untuk menjawat lantikan ini walaupun secara memangku.

Sebagaimana dimaklumi, Penghulu dan Ketua Kampung adalah pemimpin akar umbi yang bertanggungjawab bagi membantu memastikan rakyat dan penduduk negara ini hidup dalam aman dan sejahtera. Dengannya akan dapat membantu mengujudkan dan memelihara serta mempertahankan suasana keamanan dan ketenteraman yang berpanjangan di negara ini.

Dalam hubungan ini Penghulu dan Ketua-ketua Kampung memerlukan satu pasukan yang dapat membantu dan bekerjasama dengan Penghulu dan Ketua Kampung untuk melaksanakan rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti mukim dan kampung khasnya dari kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK). Dalam masa yang sama kita juga mengharapkan penduduk-penduduk kampung khasnya dari kalangan mereka yang mempunyai berbagai latar belakang dan juga pelbagai pengalaman dan ahli profesional untuk tampil bagi memberikan khidmat bakti selaku ahli MPMK sebagai salah satu saluran untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Dengan berubahnya demografi penduduk di negara ini dengan jumlah belia melebihi 60 peratus. adalah juga penting supaya para belia dilibatkan dalam melaksanakan kegiatan atau rancangan MPMK sama ada sebagai ahli kepada majlis ataupun menyertai secara aktif rancangan-rancangan MPMK. Kita telah dapat menyaksikan penglibatan aktif para belia dalam beberapa buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang secara langsung bertindak sebagai penyuntik semangat penduduk kampung dan berjaya menukar wajah MPK berkenaan dengan menggerakkan aktiviti kebajikan dan ekonomi. Ke arah ini kita perlu meneroka pendekatan-pendekatan yang terbaik untuk menjinakkan para belia dengan rancangan-rancangan MPMK. Kita percaya dengan penglibatan aktif para belia, mereka akan dapat menggerakkan pelbagai rancangan berkebajikan dan aktiviti sukarelawan.



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Bengkel Pengukuhan Kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pada Khamis, 13 Jamadilawal 1441 bersamaan 9 Januari 2020, bertempat di Dewan Teater, Institut Perkhidmatan Awam.**

Dari aspek ekonomi, kita telah mengusahakan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) untuk lebih 20 tahun, namun 1K1P belum lagi pada keseluruhannya mencapai objektifnya bagi meningkatkan pendapatan penduduk kampung, Tidak dinafikan kita mempunyai beberapa kejayaan bagi mereka yang telah dapat menembusi pasaran setempat. Dalam keadaan ekonomi yang berubah, iklim perniagaan yang berubah, cita rasa pengguna yang berubah kita perlu memberikan perhatian yang lebih serius mengenai perkara ini malah untuk meneliti semula, menyelaras dan menyesuaikannya dengan perubahan-perubahan masa ini sama ada dari segi produk, operasi dan sebagainya.

InsyaaAllah bengkel dua hari ini, adalah khusus untuk memberikan pendedahan kepada peserta-peserta akan kepentingan dan kemahiran dalam memimpin bukan sahaja untuk diri sendiri, keluarga malah masyarakat di peringkat kampung, mukim dan daerah serta mengujudkan cara bekerja secara berkumpulan. Ini adalah di antara asas-asas penting yang perlu diketahui oleh seorang pemimpin. Ilmu serta pengalaman yang dipelajari melalui bengkel ini nanti akan dapat melengkapkan diri peserta-peserta bengkel agar berupaya menghadapi keseimbangan hidup yang semakin mencabar ini.

Justeru itu, dengan penganjuran program seperti ini, saya percaya banyak input yang akan diperoleh. Secara tidak langsung, bengkel ini dilihat dapat membantu melahirkan golongan pemimpin-pemimpin yang berwibawa. Saya juga berharap segala ilmu yang dipelajari ini nanti akan dapat diaplikasikan dan dikongsikan di dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi.

Selaku pemimpin, yang mempunyai kualiti kepimpinan, kita perlu untuk terus berusaha dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran tertentu bengkel seumpama ini akan dapat berfungsi untuk memberikan kemahiran berkenaan. Di samping itu, para pemimpin juga perlu terus menambah ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuan dan kemahiran akan terus berubah. Para pemimpin perlu mengamalkan dan menjadikan pembelajaran sepanjang hayat sebagai budaya hidup.

Kemahiran dan ilmu pengetahuan sahaja tidak mencukupi jika tidak disertai dengan sikap atau *attitude*. Kita akan bekerja dalam berbagai suasana, berhadapan dengan berbagai bentuk dan ragam masyarakat, menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang sentiasa perlu diurus dengan dan ditangani dengan berhati-hati dan penuh kebijaksanaan. Ini memerlukan sikap tertentu yang saya percaya akan dikongsi dalam bengkel ini.

Kemahiran, ilmu pengetahuan dan sikap perlu disertai dengan akauntabiliti. Kita sewajarnya menyedari bahawa setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan dengan akauntabiliti. Sebagai umat Islam, akauntabiliti ini sebagai pegangan hidup dalam memikul tanggungjawab kita.

Saya menaruh harapan agar bengkel ini akan dapat membantu meningkatkan kapasiti kepimpinan akar umbi agar ianya bertambah mantap dan berkesan. Semasa sesi soal jawab nanti, saya juga mengalu-alukan pandangan yang membina daripada peserta-peserta bengkel mengenai isu-isu yang dapat meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di mukim dan kampung di negara ini.

Sekian.

*Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

**18 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الأول 22**

### SERLAHKAN INDUSTRI PELANCONGAN BRUNEI KE NEGARA LUAR

BARU-BARU ini Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Forum Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Festival - ATF) 2020 dengan tema 'ASEAN - Bersama Ke-arah Menuju Generasi perjalanan Akan Datang' yang berlangsung mulai 12-16 Januari ini. ATF merupakan usaha serantau untuk mempromosikan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) sebagai satu destinasi pelancongan.

Ini merupakan peluang serta platform terbaik bagi negara ini untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik, budaya, makanan serta cara hidup orang-orang Brunei. Secara tidak langsung ini dapat menjana ekonomi negara, pelaburan bahkan juga peluang-peluang pekerjaan.

Dalam Taklimat Media mengenai Pelancongan Brunei yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Salina binti Salleh menjelaskan pada tahun 2019, bilangan ketibaan pelancong melalui udara ke Negara Brunei Darussalam meningkat pada 16.0 peratus (tahun ke tahun), di mana antara faktor yang menyumbang adalah impak yang tinggi daripada permintaan perjalanan dari Pasaran Timur Jauh seperti China, Hong Kong, Jepun, dan Korea Selatan.

Selain itu, turut dikongsi sama statistik ketibaan pelancong melalui udara dari 10 negara teratas pada tahun 2019, terdiri dari negara Malaysia (+30.8 peratus); China (+8.2 peratus); Indonesia (+10.8 peratus); Filipina (+10.4 peratus); South Korea (+96.4 peratus); United Kingdom (+15.7 peratus); Singapura (-1.6 peratus); Jepun (+74.3 peratus); India (+9.4 peratus); dan Australia (+9.6 peratus).

Untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke negara ini, pihak kerajaan dan pihak swasta perlu melakukan pelbagai usaha untuk memperkenalkan Negara Brunei Darussalam. Negara kita memerlukan promosi yang berterusan untuk menyerlahkan keistimewaan negara ini yang tidak ada di tempat lain. Antaranya seperti langkap hutan hujan tropika dengan flora dan fauna merupakan khazanah negara yang sangat bernilai.

Selain itu, industri pelancongan Islam yang ditawarkan oleh negara ini mampu menjana ekonomi negara apatah lagi bagi pelancong-pelancong Islam. Makanan halal yang ditawarkan memudahkan pelancong Islam tanpa ada perasaan waswas untuk menikmati makanan Brunei. Begitu juga dengan infrastruktur Islam seperti masjid-masjid yang tersergam menjadi daya tarikan pelancong sambil memudahkan mereka untuk melakukan solat.

Oleh itu, inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan produk-produk pelancongan di negara ini perlu mendapat kerjasama dari syarikat-syarikat swasta atau pihak-pihak yang berkepentingan dengan menyediakan kemudahan serta keselesaan, aktiviti yang menyeronokkan serta layanan khas orang-orang Brunei kepada orang luar.

Kita tidak mahu disebabkan kurangnya penyebaran maklumat mengenai tempat-tempat pelancongan serta kemudahan yang terhad bagi keperluan pelancong yang berkunjung ke negara kita akan menjadikan negara kita kurang dikenali dan tidak termasuk dalam senarai negara yang mesti dikunjungi. Tunjukkan kepada dunia bahawa negara kita mampu memberikan yang terbaik dalam industri pelancongan. **- Ketua Penyuntingan (Ri).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 33 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah JAMADILAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | SABTU | 22 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | AHAD | 23 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 20 | ISNIN | 24 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27 | 7.41 |
| 21 | SELASA | 25 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.59 | 12.32 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 22 | RABU | 26 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 23 | KHAMIS | 27 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.28 | 7.41 |
| 24 | JUMAAT | 28 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29 | 7.42 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan menerima mengadap 18 Ketua Delegasi ATF



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM berkenan bergambar ramai bersama ketua-ketua delegasi yang terdiri daripada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan wakil-wakil Menteri ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN; Setiausaha-setiausaha Agung Pusat-pusat ASEAN; serta wakil Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) yang menghadiri Forum Pelancongan ASEAN (ATF) Ke-39.

Dari muka 1

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lainnya menyatakan sokongan baginda atas usaha-usaha para delegasi dalam mempromosikan bidang pelancongan yang jelas dapat meningkatkan hasil perekonomian setiap Negara Anggota ASEAN, iaitu sejajar dengan sokongan daripada para pemimpin ASEAN lainnya terhadap usaha sedemikian. Industri pelancongan ini juga memainkan peranan yang penting dalam membantu industri hospitaliti serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi menjana pendapatan lebih di dalam bidang masing-masing yang diceburi.

Para delegasi Forum Pelancongan ASEAN Ke-39 yang hadir semasa Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Pelancongan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Thong Khon; Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Professor Kikeo Khaykhamphitoune; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Mohammaddin Ketapi; Menteri Kesatuan Hotel dan Pelancongan, Republik Kesatuan Myanmar, TYT U Ohn Maung; Setiausaha Pelancongan, Republik Filipina, Puan Yang Terutama Bernadette Romulo-Puyat; Timbalan Menteri Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Republik Indonesia, Puan Angela Tanoesoedibjo; Timbalan Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Sosialis Viet Nam (mewakili Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Sosialis Viet Nam), Tuan Le. Quang Tung; Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Tuan Zhang Xu; Naib Menteri Parlimen Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan, Jepun, Tuan Wada Masamune; Ketua Eksekutif Lembaga Pelancongan, Republik Singapura (mewakili Menteri Perdagangan dan Industri Republik Singapura), Tuan Keith Tan; Penasihat Menteri, Kementerian Pelancongan dan Sukan, Kerajaan Thailand (mewakili Menteri Pelancongan dan Sukan, Kerajaan Thailand), Tuan Siraphop Duangsodsri; Ketua Pengarah Dasar Industri Pelancongan bagi Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Korea (mewakili Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Korea), Tuan Hyun Rae Jo; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN, Sekretariat ASEAN (mewakili Setiausaha Agung ASEAN), Tuan Aladdin D. Rillo; Pengarah Rantau Asia dan Pasifik, Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) (mewakili Setiausaha Agung UNWTO), Tuan Xu Jing; Setiausaha Agung, Pusat ASEAN-China, TYT Chen Dehai; Setiausaha Agung, Pusat ASEAN-Jepun, TYT Masataka Fujita, dan Setiausaha Agung, ASEAN-Republik Korea, TYT Lee Hyuk.

Majlis mengadap tersebut berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, di sini.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada delegasi yang menghadiri forum tersebut (kiri dan kanan), sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan berbual mesra bersama delegasi ATF yang menyertai Majlis Mengadap berkenaan.





# Berkenan hantar titah perutusan tahniah




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Chung Sye-kyun di atas pelantikannya baru-baru ini sebagai Perdana Menteri Republik Korea.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Chung Sye-kyun di atas pelantikannya baru-baru ini sebagai Perdana Menteri Republik Korea.

Dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea mempunyai pertalian persahabatan yang telah sekian lama terjalin dan berpuas hati dengan perkembangan kerjasama kedua-dua buah negara yang merangkumi bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, infrastruktur, perhubungan, ICT, pendidikan dan pelancongan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Korea akan beroleh kejayaan di dalam jawatan yang baru dijawatinya dan seterusnya berharap untuk dapat bekerja bersama dengan Tuan Yang Terutama bagi meningkatkan lagi hubungan juga kerjasama yang rapat baik dalam hubungan dua hala mahupun sebagai rakan kongsi serantau.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan salam muhibah kepada TYT.

# Pelancongan kukuhkan hubungan dua hala



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat merasmikan Tahun Pelancongan Negara Brunei Darussalam - Republik Rakyat China Tahun 2020. Juga berangkat, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Pelancongan menyumbang impak positif dan pelbagai kepada hubungan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Rakyat China dengan mendatangkan manfaat kepada ekonomi, menyatukan hubungan rakyat dan menggalakkan pertukaran budaya antara kedua-dua buah negara.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, bagi NBD, China merupakan sumber pelancongan terbesar di udara, dan mencatatkan peningkatan sebanyak 21 peratus, iaitu 65,653 pelawat dari China pada tahun 2018 berbanding 54,125 pelawat pada tahun 2017.

"Hubungan antara NBD dan Republik Rakyat China berkembang melalui penerbangan ke Shanghai, Hong Kong, Changsa, Nanning, Kunming, Hanhgzhou, Haikou dan baru-baru ini, Beijing. Ini mencerminkan sokongan untuk mengukuhkan perkembangan rangkaian, yang dibangunkan berdasarkan hubungan dua hala yang kukuh melalui dedikasi, usaha yang diselaraskan dan berterusan," ujar Yang Berhormat pada Tahun Pelancongan Negara Brunei Darussalam - Republik Rakyat China Tahun 2020 yang berlangsung di Pusat Kesenian, Sekolah Antarabangsa Jerudong, di sini.

Dengan adanya Tahun Pelancongan NBD - Republik Rakyat China Tahun 2020 itu, Yang Berhormat yakin dapat menambah lagi kerjasama dengan tujuan meningkatkan kunjungan dua hala pelancong dan mempromosikan hubungan antara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Berangkat merasmikan Tahun Pelancongan NBD - Republik Rakyat China Tahun 2020 ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga berangkat, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut menjunjung, Naib Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Mr. Zhang Xu dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong.

Sementara itu, Naib Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Mr. Zhang Xu dalam ucapannya menjelaskan, NBD terkenal dengan kebudayaan Islam dan keharmonian sosialnya menjadi tarikan kepada pelancong dari China.

Tambahnya, Republik Rakyat China akan terus bekerjasama rapat dengan NBD untuk melaksanakan kesepakatan pemimpin kedua buah negara dan berdasarkan penghormatan dan kepercayaan bersama, di samping menjayakan Tahun Pelancongan yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Puan Yang Terutama Yu Hong pula dalam ucapannya menjelaskan, Tahun Pelancongan ini akan meningkatkan lagi persefahaman antara kedua-dua negara.

Jelasnya, Republik Rakyat China bersedia untuk menjalinkan usaha sama dengan NBD menjadikan tahun pelancongan sebagai peluang untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, perkongsian kerjasama strategik China - Brunei dan mempersiapkan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik Antara Republik Rakyat China dan Brunei Darussalam Ke-30 pada tahun 2021.

Acara tersebut juga diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dari kedua-dua negara.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM juga berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan kebudayaan dari kedua-dua negara.

Tahun Pelancongan NBD - Republik Rakyat China Tahun 2020 menandakan permulaan acara tahun dalam kerjasama pelancongan antara NBD dan Republik Rakyat China dengan tujuan untuk menyediakan platform bagi mengukuhkan kerjasama pelancongan melalui pertukaran rakyat dan budaya, meningkatkan kerjasama dua hala, membangunkan kapasiti dan melanjutkan kerjasama dan perkongsian antara kedua-dua negara.

Acara sepanjang tahun itu juga merupakan peluang untuk membina hubungan perniagaan dan perdagangan yang lebih luas di bidang lain selain pelancongan.



SEBAHAGIAN daripada persembahan yang menyerikan lagi perasmian Tahun Pelancongan Negara Brunei Darussalam - Republik Rakyat China Tahun 2020.

# Didakwa bersalah atas 14 tuduhan

Dari muka 1

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Sepanjang perbicaraan tersebut, pihak Pendakwa Raya Jonathan Caplan QC telah mengemukakan sebanyak 1672 buah dokumen sebagai bahan bukti daripada 93 saksi terdiri daripada pegawai-pegawai kehakiman, pegawai-pegawai bank, pekerja-pekerja dari ejen penjual kereta, seorang penyiasat forensik digital dari IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), seorang pakar analisis tulisan tangan dari Bahagian Physical Evidence dari Jabatan Perkhidmatan Saintifik, dan pegawai-pegawai penyiasat dari Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Tertuduh Pertama telah disabit bersalah di atas semua 14 tuduhan ke atasnya bagi kesalahan pecah amanah wang berjumlah BND15.75 juta yang telah dikeluarkannya daripada akaun-akaun Penerima Rasmi di bawah kawalan dan pengurusannya sebagai seorang Timbalan Penerima Rasmi.

Kes ini melibatkan jumlah terbesar yang pernah digelapkan oleh seorang penjawat awam di Negara Brunei Darussalam.

Seramai 255 penghutang penghakiman yang telah membuat bayaran bulanan telah terjejas ekoran daripada jenayah yang dilakukan oleh Tertuduh Pertama. Akibat perbuatannya, sebilangan besar penghutang penghakiman tidak dapat menjelaskan hutang-hutang mereka sepenuhnya.

Pihak Pendakwaraya juga telah mengemukakan 608 keping slip pengeluaran wang tunai yang telah dibuat pada 71 hari yang berbeza.

Keterangan daripada pakar analisa tulisan tangan telah mengesahkan bahawa tandatangan yang membuat pengeluaran itu adalah dibuat oleh Tertuduh Pertama sendiri. Keterangan ini tidak dinafikan oleh pihak Tertuduh.

Selain itu, Tertuduh Pertama juga menyatakan bahawa dia telah menerima sebanyak BND5 juta daripada seorang warganegara Malaysia kerana telah menjadi saksi untuk perjanjian-perjanjian sulit tetapi beliau tidak pernah mendedahkan maklumat lanjut daripada perjanjian sulit tersebut.

Mahkamah mendapati bahawa keterangan ini sukar untuk dipercayai. Tertuduh Pertama tidak pernah memberi penjelasan mengenai sebab dia diberi wang sebegitu secara berterusan atau apa peranannya berhubung dengan perjanjian sulit itu. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak mendengar bukti daripada warganegara Malaysia itu malah Hakim tidak mendapati sebarang bukti lain yang dapat menyokong keterangan daripada Tertuduh Pertama tersebut.

Tertuduh Pertama tidak pernah memberi apa-apa penjelasan pun kepada BMR ataupun PPDB mengenai alasannya dalam mengeluarkan wang tunai sebanyak BND15.75 juta itu mahupun mengenai apa yang telah dibuatnya dengan wang tunai tersebut.

Walau bagaimanapun, dokumen-dokumen yang mengandungi nota-nota dan juga persuratan kepada pihak Bank menyatakan bahawa wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun-akaun simpanan tetap yang telah dibuka bagi kepentingan penghutang.

Pihak Pendakwa Raya juga telah memanggil saksi-saksi daripada Bank-bank yang berkuat kuasa di Brunei Darussalam bagi mengesahkan akaun tersebut tidak wujud.

Walaupun Tertuduh Pertama mempunyai hak untuk tidak memberi keterangan, Yang Arif Hakim hairan dengan keengganannya untuk menjelaskan di mana akaun-akaun simpanan tetap tersebut dibuka. Hanya Tertuduh Pertama yang tahu di mana akaun-akaun tersebut dibuka tetapi dia tetap memilih untuk berdiam diri dalam hal ini.

Peguam bela bagi Tertuduh-tertuduh, Simon Farrell QC mengetengahkan beberapa aduan di dalam penghujahannya ke Mahkamah khususnya mengenai kelemahan kes Pendakwa Raya yang hanya fokus terhadap akaun-akaun Penerima Rasmi.

Beliau juga menegaskan bahawa pihak Pendakwa Raya tidak memberikan bukti daripada pemiutang-pemiutang bagi mengesahkan bahawa mereka tidak menerima bayaran daripada wang tunai yang dikeluarkan oleh Tertuduh Pertama.

Walau bagaimanapun, pihak Pendakwa Raya ada memanggil pegawai-pegawai dari Jabatan Kehakiman yang memeriksa dokumen kes-kes kebankrapan dan mengesahkan bahawa tiada bayaran dibuat kepada pemiutang-pemiutang penghakiman kecuali di dalam 11 kes tersebut.

Yang Arif Hakim mendapati bahawa tidak ada keperluan untuk Pendakwa Raya memanggil ke semua pemiutang penghakiman bagi 255 kes-kes tersebut kerana Pendakwa Raya telah menghasilkan bukti-bukti perbankan yang menunjukkan bahawa Tertuduh Pertama telah menyeleweng sejumlah besar wang tunai dari akaun-akaun Penerima Rasmi di bawah kendaliannya.

Yang Arif Hakim juga tidak melihat sebarang kritikan mengenai pengendalian BMR dan PPDB dalam menyiasat kes ini.

Tertuduh Pertama juga telah disabitkan atas tuduhan pecah amanah jenayah yang berjumlah BND35,000 yang dibayar di kaunter Pejabat Penerima Rasmi di antara bulan April dan Mei 2017. Walaupun peguam belanya memaklumkan bahawa wang tunai tersebut telah diambil oleh seorang bekas pekerja BIBD (Bank Islam Brunei Darussalam) yang ditugaskan untuk mengutip wang tunai dari Pejabat Penerima Rasmi untuk dimasukkan ke dalam akaun bank yang berkenaan, Yang Arif Hakim bersetuju dengan pihak Pendakwa Raya bahawa perbuatan Tertuduh Pertama yang kerap menyalahgunakan wang dari akaun-akaun Penerima Rasmi itu membuktikan bahawa Tertuduh Pertama juga telah menyalahgunakan wang tunai sebanyak BND35,000 ini.

Yang Arif Hakim Lugar-Mawson telah berpuas hati tanpa sebarang keraguan bahawa Tertuduh Pertama tahu sumber nota-nota wang tunai BND10,000 yang digunakannya dalam tuduhan pengubahan wang haram adalah hasil daripada perbuatan jenayah pecah amanahnya sendiri.

Dengan itu, Tertuduh Pertama didapati bersalah ke atas 10 tuduhan pembersihan wang haram yang mana dia telah memasukkan wang dari hasil jenayahnya ini ke dalam akaun bersamanya dengan suaminya (Tertuduh Kedua), menggunakannya untuk membayar pembelian sebuah kereta, menukarkannya ke denominasi yang kecil dan juga memindahkan hasil tersebut dari akaunnya di bank tempatan ke akaun banknya di United Kingdom.



TERTUDUH Pertama, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman telah disabit bersalah di atas semua 14 tuduhan ke atasnya bagi kesalahan pecah amanah wang berjumlah BND15.75 juta.

# Bersalah atas tuduhan pembersihan wang haram



TERTUDUH Kedua, Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menghadapi lapan tuduhan pembersihan wang haram kerana menggunakan wang hasil pecah amanah yang dilakukan oleh isterinya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Januari. - Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (Tertuduh Kedua) menghadapi lapan tuduhan pembersihan wang haram kerana menggunakan wang hasil pecah amanah yang dilakukan oleh isterinya, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol (B) Haji Abdul Rahman (Tertuduh Pertama).

Sepanjang perbicaraan, Tertuduh Kedua percaya apabila diberitahu oleh isterinya bahawa wang kepunyaannya itu telah diperoleh daripada seorang warganegara Malaysia dan arwah abangnya.

Walaupun Yang Arif Hakim boleh menerima fakta bahawa arwah abang Tertuduh Pertama mungkin telah memberikannya wang namun tidak ada bukti yang dikemukakan untuk menyokong dakwaan bahawa pemberian tersebut adalah dalam jumlah yang besar.

Sebagai seorang bekas Timbalan Pendakwa Raya dan juga seorang hakim kes-kes jenayah, Tertuduh Kedua seharusnya tahu tentang isu pembersihan wang haram ini.

Tertuduh Kedua merupakan seorang hakim kes jenayah yang berpendidikan dan pintar dengan gaji kira-kira BND4,800. Beliau seharusnya sedar bahawa mereka menjalani hidup yang jauh lebih mewah daripada pendapatan mereka dan hal ini sepatutnya menimbulkan pertanyaan pada dirinya.

Yang Arif Hakim tidak meragui bahawa Tertuduh Kedua sememangnya tahu sumber wang yang digunakannya adalah dari wang-wang penghutang penghakiman bagi kes-kes di bawah kawalan isterinya itu.

Oleh yang demikian, Tertuduh Kedua telah disabitkan bersalah ke atas enam tuduhan pembersihan wang haram. Beliau didapati tidak bersalah atas dua kesalahan memasukkan nota-nota wang tunai BND10,000 ke dalam akaun bersamanya dengan Tertuduh Pertama kerana saksi-saksi dari Bank tidak pasti siapa daripada kedua-dua Tertuduh yang datang untuk memasukkan wang tersebut pada masa itu.

Kes ini akan didengar lagi pada Sabtu, 18 Januari 2020 pukul 9.30 pagi.

Sementara itu, Tertuduh-tertuduh telah memohon untuk terus dibebaskan dengan ikat jamin tetapi permohonan itu telah dibantah oleh pihak Pendakwa Raya.

Yang Arif Hakim Lugar-Mawson menolak permohonan itu dan memerintahkan supaya kedua-dua Tertuduh ditahan reman di penjara.

Pihak Pendakwa Raya diketuai oleh Jonathan Caplan QC bersama dengan Timbalan Pendakwa Raya Hajah Suhana Haji Sudin, Hajah Suriana Haji Radin, Dayangku Didi-Nuraza Pengiran Haji Abdul Latiff dan Muhammad Qamarul Affyian Abdul Rahman sementara Sheikh Noordin Sheikh Mohammad juga hadir untuk Tertuduh-tertuduh.

# SMS Tabung Amal Mangsa Kebakaran dilancarkan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Penasihat Bersama (dua, kanan) melancarkan SMS Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penasihat Bersama (kiri) juga hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan SMS Tabung Amal Mangsa Kebakaran tersebut.

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Khamis, 16 Januari. - Dalam usaha meringankan beban bagi mangsa kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama, Majlis Pelancaran SMS Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama diadakan di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan SMS Tabung Amal tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Penasihat Bersama.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan tayangan klip video, seterusnya Majlis Pelancaran SMS Tabung Amal Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama dengan kerjasama Syarikat Data Stream Digital (DSD) Sdn. Bhd. dan Syarikat Progresif Sdn. Bhd. (PCSB) oleh para tetamu kehormat.

Majlis diteruskan lagi dengan Penyampaian Sumbangan daripada Dewan Perniagaan India, iaitu daripada Parvati Textile Centre, Samima Sendirian Berhad dan Sifana Sendirian Berhad kepada wakil Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama, iaitu Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran. Haji Ali Hassan.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap dari KHEDN dan KKBS; Pengarah-pengarah Urusan Syarikat; ketua-ketua jabatan; jemputan-jemputan khas; dan pegawai-pegawai kanan juga kakitangan di bawah KHEDN dan KKBS.



ANTARA yang hadir pada Majlis Pelancaran SMS Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara itu.

# 126 destinasi, entiti ASEAN terima anugerah



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kanan) menyempurnakan penyampaian anugerah kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelancongan ASEAN tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG,** Khamis, 16 Januari. - Negara Brunei Darussalam antara negara anggota ASEAN yang diberikan pengiktirafan untuk menerima beberapa anugerah pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelancongan ASEAN, yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Menteri-menteri Pelancongan ASEAN memberikan beberapa anugerah kepada sejumlah 126 destinasi dan entiti di ASEAN sebagai penghargaan juga pengiktirafan kepada pencapaian dan sumbangan mereka dalam mempromosikan piawaian-piawaian pelancongan ASEAN.

Sebanyak 46 buah hotel diberikan Anugerah Hotel Hijau ASEAN Ke-7; 41 destinasi menerima Anugerah ASEAN Meetings, Incentive, Conference and Events (MICE) Venue Ke-2; 21 buah bandar raya dianugerahkan Bandar Pelancongan Bersih ASEAN Ke-2; dan 18 destinasi menerima Anugerah Pelancongan Mampan ASEAN (ASTA) Ke-2.

Peranginan Ulu-Ulu dan Hotel Radisson Brunei Darussalam juga menerima Anugerah Hotel Hijau ASEAN Ke-7 atas inisiatif hijau mereka dalam penjimatan tenaga, penggunaan produk-produk hijau dan penglibatan komuniti.

Sementara itu, Pekan Bangar, Daerah Temburong menerima Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN Ke-2, di mana penganugerahan tersebut diberikan sebagai pengiktirafan bagi bandar-bandar pelancongan dan dalam rantau ASEAN yang mematuhi beberapa kriteria yang mempunyai tarikan alam semula jadi atau buatan manusia, dan budaya.

Manakala, Mutiara Ballroom, Radisson Hotel; Syndicate Rooms, Armada Properties Sendirian Berhad; and Serambi Suluh Hall, Terindak D'Seni menerima Anugerah ASEAN MICE Venue Ke-2 bagi Kategori Bilik Mesyuarat, di mana anugerah tersebut diberikan bagi mengiktirafkan para penerima kerana mematuhi amalan-amalan terbaik dalam mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat.

Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan pula menerima ASTA Ke-2 bagi Kategori Bandar Mampan dalam Pejabat Daerah Brunei dan Muara sebagai rakan utama.

ASTA mengiktiraf dan memotivasikan destinasi pelancongan ASEAN dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk bersama-sama mengambil tindakan juga tanggungjawab bagi kemajuan pelancongan yang inklusif, mengurangkan isu-isu sosiobudaya alam sekitar dan isu-isu ekonomi yang membawa kepada perkembangan pelancongan pesat.

Anugerah-anugerah tersebut disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Majlis Penyampaian Anugerah Pelancongan ASEAN bertujuan meningkatkan kualiti sumber-sumber manusia, perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan melalui piawaian-piawaian di rantau ASEAN, di samping mengiktiraf pihak-pihak berkepentingan yang memenuhi piawaian-piawaian yang dibangunkan oleh Negara-negara Anggota ASEAN dalam Sektor Pelancongan.

# Teknologi digital tingkat produk pelancongan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong mempengerusikan Sidang Media Menteri-menteri Pelancongan ASEAN yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei.

ASEAN TOURISM FORUM
BRUNEI 2020

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG,** Khamis, 16 Januari. - Menurut statistik pada tahun 2019, ASEAN menerima sebanyak 133 juta ketibaan antarabangsa, iaitu kenaikan sebanyak tujuh peratus berbanding tahun 2018, di mana bilangan ketibaan pelancong intra-ASEAN menyumbang kepada kira-kira 36.7 peratus.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa Sidang Media Menteri-menteri Pelancongan ASEAN di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Hasil daripada mesyuarat tersebut merupakan dalam rangka Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, para jemaah menteri menghargai ASEAN National Tourism Organisations (NTOs) dan Jawatankuasa ASEAN NTOs dalam melaksanakan Rancangan Strategik Pelancongan ASEAN (ATSP) 2016 - 2025 dan mengambil perhatian bahawa 47 daripada 73 aktiviti atau 64.4 peratus ATSP telah dilaksanakan atau diselesaikan.

Tambah Yang Berhormat lagi, para menteri juga menyedari bahawa pelancongan digital merupakan salah satu aktiviti penting diselaraskan untuk meningkatkan pengalaman orang ramai dalam mengakses maklumat dan perkhidmatan juga membangunkan deklarasi mengenai pelancongan digital ASEAN untuk dipertimbangkan dan diterima pakai oleh Pemimpin-pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 di Viet Nam menjelang akhir tahun 2020.

Para menteri juga ujar Yang Berhormat, mengalu-alukan pembangunan festival pelancongan 2020 yang mengetengahkan pelbagai festival unik dan aktiviti di negara-negara anggota ASEAN sepanjang 2020.

Menyentuh mengenai Protokol untuk Mengubah Pengiktirafan bersama Pengambilalihan Profesional Pelancongan (Protocol to Amend the Mutual Recognition Arrangements on Tourism Professional - MRA-TP), Yang Berhormat berkata para Menteri sedang berusaha untuk menandatanganinya pada tahun 2020, berdasarkan dasar referendum iklan untuk membolehkan MRA-TP memperluas pengiktirafan lebih profesional di bawah industri pelancongan dan perhotelan yang berkaitan.

"Para menteri dengan sukacita memaklumkan bahawa pada tahun 2019, rantau ASEAN Plus Three menarik 244.5 juta ketibaan pelawat antarabangsa, meningkat sebanyak 5.8 peratus dari 2018, dan yakin bahawa industri pelancongan di rantau ini akan terus berkembang sebagai Negara-negara ASEAN Plus Three mengukuhkan kerjasama mereka melalui projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan keuntungan," jelas Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat lagi, para menteri turut mengesahkan Rangka Kerja ASEAN Plus Three mengenai Piawaian Pengurusan Alam Sekitar dan bersetuju untuk membangunkan dokumen pengganti kepada Pelan Kerja Kerjasama Pelancongan (Tourism Cooperation Work Plan) APT tahun ini untuk menghasilkan pelan kerja berikutnya dengan ATSP 2016 - 2025.

ATF 2020 diadakan bermula 12 hingga 16 Januari 2020 di Negara Brunei Darussalam dengan tema 'ASEAN - Bersama Menuju Generasi Pengembaraan Baharu'.

ATF turut disertai oleh 263 peserta pameran dan dihadiri oleh 160 pembeli antarabangsa juga 40 media tempatan dan antarabangsa.



SEBAHAGIAN daripada media antarabangsa dan ASEAN yang hadir pada Sidang Media tersebut.

# Pembinaan rumah bantuan YSHHB dimulakan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**JALAN LUGU,** Jumaat, 17 Januari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyatnya, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu, YSHHB mengadakan Majlis Memulakan Tiang Rumah-rumah Bantuan bagi Pembinaan 21 Buah Rumah Bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB, bermula di tapak tanah bagi salah seorang penerima bantuan perumahan YSHHB, iaitu Dayang Siti Asmah binti Abdul Kadir di No. 27, Kampung Katimahar, Jalan Lugu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Dengan majlis itu, menandakan bermulanya projek pembinaan sebanyak 21 buah rumah bantuan dengan konsep juga reka bentuk baharu di Daerah Brunei dan Muara juga Daerah Tutong.

Konsep dan reka bentuk baharu bagi pembinaan rumah bantuan YSHHB ini adalah lebih moden juga setara dengan teknologi semasa dalam keperluan pembangunan rumah kos rendah dan dapat disiapkan sepenuhnya dalam jangka masa pendek.

Pembinaan rumah bantuan tersebut dikontrakkan kepada Syarikat Noracon Sendirian Berhad dan pembinaan kesemua 21 buah rumah, iaitu 11 buah rumah di Daerah Brunei dan Muara; dan 10 buah rumah di Daerah Tutong dijangka siap pada bulan April 2020.

Rumah bantuan ini juga dihasratkan dapat memberikan rumah yang selesa dan sempurna untuk kesemua penerima juga keluarga terutama sekali menjelangnya Hari Raya nanti, di samping memberikan mereka peluang untuk memperbaiki taraf hidup keluarga dalam semua aspek kehidupan.

Rumah bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB, dikhususkan kepada rakyat yang kurang berkemampuan dan keadaan tempat tinggal mereka daif juga tidak selamat untuk didiami.

Antara tujuan penubuhan YSHHB dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat ialah memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi, iaitu tempat tinggal yang sempurna kepada golongan yang memerlukan bantuan melalui projek pembinaan rumah-rumah bantuan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan Yayasan, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan berkenaan juga YSHHB.



YANG Berhormat Menteri di JPM menyempurnakan Majlis Memulakan Tiang Rumah-rumah Bantuan bagi Pembinaan 21 Buah Rumah Bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB, bermula di tapak tanah bagi salah seorang penerima bantuan perumahan YSHHB, iaitu Dayang Siti Asmah binti Abdul Kadir di Kampung Katimahar, Jalan Lugu.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (empat, kiri), selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memulakan Tiang Rumah-rumah Bantuan bagi Pembinaan 21 Buah Rumah Bantuan di bawah Skim Perumahan YSHHB.

# Jadikan ASEAN destinasi pelancongan berkualiti, unik, pelbagai

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Khamis, 16 Januari. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berkata, Pelancaran Laman Sesawang Pemasaran ASEAN yang diperbaharui semasa ASEAN Tourism Forum (ATF) 2020, akan memudahkan lagi usaha mereka memenuhi permintaan pengalaman pelancongan digital dan trend semasa generasi masa kini.

Berucap semasa Majlis Penutup ATF 2020 di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini, Yang Berhormat seterusnya berkata komitmen dan kerjasama daripada semua negara anggota ASEAN dan rakan-rakan kongsi strategik membantu kemajuan ASEAN dengan pesat dalam menjadi destinasi pelancongan berkualiti dengan menawarkan pengalaman ASEAN yang unik dan pelbagai, penyumbang penting kepada kesejahteraan sosioekonomi rakyat ASEAN.

Kerjasama yang rapat dengan sektor-sektor awam, rakan-rakan dan masyarakat setempat di peringkat kebangsaan dan ASEAN juga ditekankan oleh Yang Berhormat, dalam usaha ke arah kedayatahanan pertubuhan dan sektor pelancongan.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri-menteri Pelancongan ASEAN dan delegasi masing-masing; juga rakan kongsi yang terlibat, iaitu Penerbangan Diraja Brunei, Persatuan Agen Pengembaraan Brunei dan Persatuan Perhotelan Brunei di atas penyertaan dan sokongan aktif mereka.

Yang Berhormat turut mengucapkan terima kasih kepada para media, pembeli dan penjual untuk berkumpul di bawah platform Travel Exchange (TRAVEX), bertujuan untuk memacu lebih banyak pelancong dan menikmati pengalaman yang pelbagai di destinasi pelancongan ASEAN; juga penaja dan sukarelawan untuk sumbangan mereka dalam menjayakan ATF 2020.

Pada majlis tersebut, Pengerusi ATF Ke-40 diserahkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Menteri Pelancongan Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Thong Khon sebagai Tuan Rumah bagi Tahun 2021 dengan tema 'ASEAN - Sebuah Komuniti Aman dan Berkongsi Masa Depan'.

Tuan Yang Terutama Dr. Thong Khon dalam ucapannya, antara lain berkata, tema tersebut mencerminkan komitmen Kemboja sebagai *stakeholder* dalam sistem ekopelancongan rantau itu.

ATF 2020 berlangsung selama lima hari bermula 12 Januari hingga hari ini dengan membawa tema 'ASEAN Together Towards a Next Generation of Travel', disertai oleh 263 peserta pameran dan dihadiri oleh seramai 160 pembeli antarabangsa juga 40 media tempatan dan antarabangsa.





**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong berucap semasa Majlis Penutup ATF 2020 di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei (kiri), sementara gambar kanan, Menteri Pelancongan Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Thong Khon ketika berucap setelah Pengerusi ATF Ke-40 diserahkan kepada Kemboja selaku Tuan Rumah bagi Tahun 2021.**




**ANTARA persembahan yang menyerikan lagi majlis berkenaan.**

# NBD - China kongsi kerjasama perniagaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Naib Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Mr. Zhang Xu hadir selaku tetamu kehormat pada Promosi Pelancongan dan Sesi Padanan Perniagaan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Januari. - Promosi Pelancongan dan Sesi Padanan Perniagaan menandakan penglibatan pertama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China pada Tahun 2020 sebagai Tahun Pelancongan di antara kedua-dua negara.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali berkata, beberapa acara akan diadakan sepanjang tahun ini dengan kerjasama di antara dua pihak bagi memperingati lagi keistimewaan tahun ini.

"Dalam hal ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China dan Kedutaan Republik Rakyat China di Brunei Darussalam atas usaha mereka untuk bekerjasama dengan kami di kesemua acara," ujarnya pada Promosi Pelancongan dan Sesi Padanan Perniagaan yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, di sini.

Awang Wardi juga berharap melalui sesi pemadanan perniagaan itu akan membuahkan hasil serta berharap para peserta dapat berhubung sama untuk memudahkan kerjasama dan potensi masa depan.

Promosi Pelancongan dan Sesi Padanan Perniagaan dianjurkan bersama oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Naib Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Mr. Zhang Xu.

Seramai 30 pegawai pelancongan dan wakil dari Republik Rakyat China tiba di negara ini dengan matlamat untuk membina dan mengukuhkan hubungan antara ejen pelancongan dan pengendali pelancongan untuk meningkatkan pelancongan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Delegasi Republik Rakyat China diketuai oleh Naib Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Republik Rakyat China.

China adalah salah satu sumber pasaran utama dalam pelancongan ke Negara Brunei Darussalam dengan jumlah 43,000 ketibaan pelancong (Julai 2019).

Pada tahun 2018, adanya peningkatan sebanyak 21.1 peratus dengan 65,563 ketibaan pelancong dari China ke Negara Brunei Darussalam berbanding 2017 dengan ketibaan pelancong sebanyak 54,125.





**ANTARA yang hadir pada Promosi Pelancongan dan Sesi Padanan Perniagaan tersebut (kiri dan kanan).**

# Pesta Pengguna kini kembali lagi!



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyempurnakan Perasmian Pesta Pengguna Ke-24.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Rabu, 15 Januari. - Pesta Pengguna Ke-24 anjuran D'Sunlit Sendirian Berhad kini kembali lagi dengan jualan yang lebih besar dan menarik.

Untuk Pesta Pengguna Ke-24 kali ini, D'Sunlit Sendirian Berhad berhasrat untuk menjadikan acara tersebut lebih dekat kepada masyarakat Brunei tanpa mengira peringkat umur, di mana sama seperti anjuran sebelumnya iaitu menampilkan kisah naratif mengenai watak kartun yang berorientasikan keluarga.

Perasmian pesta disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Selain daripada aktiviti menarik yang dibawakan oleh rakan kongsi acara sepanjang lima hari, Pesta Pengguna Ke-24 juga akan menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti Bandar Raya Oriental, Pembuatan Lantern, Toy Donation Drive dan Toy Warehouse Sale.

Terdapat juga tawaran menarik iaitu 88 sen yang dibawakan oleh Toy Warehouse Sale di mana tiga pemenang bertuah yang menyertai kempen media sosial akan berpeluang untuk mengisi satu troli setiap satu secara percuma.

Selain itu, The Snap Consumer and Win juga kembali memberi peluang kepada orang ramai untuk memenangi Insta 360 ONE X baharu dengan tambahan Venture Case, Kad SD 32GB dan Stick Invisible.

Orang ramai juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang hebat dengan menyertai Consumer Fair Grand Lucky Fair.

Pihak penganjur juga ingin menggalakkan orang ramai agar membawa beg membeli-belah mereka sendiri, selaras dengan inisiatif Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan untuk melaksanakan kempen 'Setiap Hari Tanpa Plastik'.

Pesta Pengguna pertama kali diperkenalkan pada tahun 2008 dengan motif menyediakan platform bagi mempromosikan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana tempatan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka, di samping menyediakan platform bagi pertukaran pengetahuan perniagaan antara peserta pameran tempatan dan antarabangsa.

Sejak penampilan sulungnya, Pesta Pengguna terus berkembang pesat dengan peningkatan jumlah peserta pameran dan jumlah pengunjung yang ramai setiap tahun.

Pesta Pengguna Ke-24 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas diadakan selama lima hari iaitu bermula 15 Januari sehingga 19 Januari 2020 dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, manakala Jumaat akan ditutup sementara pada jam 12.00 tengah hari sehingga 2.00 petang.



ANTARA yang menyertai Pesta Pengguna Ke-24 anjuran D'Sunlit Sendirian Berhad tersebut.

# BICTA cungkil bakat inovasi tempatan



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2020; Pengerusi InfoCom Brunei (IFB), Sheikh Haji Abas bin Sheikh Mohamad selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2020; Pemangku Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar dan Ketua Hakim BICTA 2020, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff pada Sidang Media berkenaan.

Berita dan Foto :
Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Januari. - Dalam merangsang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, inovasi merupakan salah satu elemen penting di mana ia tidak hanya terhad kepada penciptaan yang baharu malah ia merangkumi bagaimana sesuatu ciptaan itu dapat menyelesaikan masalah atau menambah baik penyelesaian dengan cara yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, idea-idea berkenaan dapat membantu menjana pendapatan khususnya dalam bidang ICT. Justeru, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) giat melaksanakan, menggalakkan dan menyokong kepakaran tempatan melalui Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Brunei (BICTA).

Anugerah ICT tahunan ini bertujuan untuk merangsang inovasi dan kreativiti ICT khususnya dalam kalangan individu, pelajar dan perusahaan termasuklah perusahaan kecil dan sederhana. BICTA dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan InfoCom Federation Brunei (IFB). BICTA turut disokong oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Darussalam Enterprise (DARe) dan BruIPO.

Penyertaan BICTA bagi tahun ini telah dibuka dan diumumkan oleh pihak MTIC semasa Sidang Media yang diadakan di Aras 1, Auditorium, Bangunan Design & Technology, Anggerek Desa. Dengan membawa tema 'Negara Pintar Melalui Transformasi Digital', Anugerah BICTA 2020 ini diharap akan dapat menggambarkan peralihan ke arah negara pintar dengan memberikan tumpuan kepada perkembangan teknologi baharu bagi transformasi digital untuk masyarakat dan ekonomi.

Bagi Negara Brunei Darussalam, langkah ini bertujuan untuk memanfaatkan teknologi baharu dengan berkesan dan berinovatif bagi mencapai visi Wawasan Brunei 2035.

Hadir semasa Sidang Media tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2020.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim; Pengerusi InfoCom Brunei (IFB), Sheikh Haji Abas bin Sheikh Mohamad selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2020; Pemangku Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar dan Ketua Hakim BICTA 2020, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff.

Selain itu, objektif BICTA diadakan adalah untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti khususnya dalam ICT, jelas Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri semasa Sidang Media itu diadakan.

BICTA 2020 dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori Sekolah yang dibukakan untuk individu atau kumpulan pelajar pada Tahun 7 hingga Tahun 11; Kategori Pengajian Tinggi yang dibukakan untuk individu atau kumpulan pelajar pada Tahun 12 hingga mahasiswa dan Kategori Industri ICT yang dibukakan untuk individu atau kumpulan, syarikat-syarikat dan agensi-agensi kerajaan.

Setiap pemenang untuk kategori tersebut akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 (Sekolah), BND7,000 (Pengajian Tinggi) dan BND10,000 (Industri). Selain itu, BICTA 2020 juga akan mengetengahkan lima Anugerah Khas, iaitu Penyelidikan dan Pembangunan; Teknologi Big Data Analytics; Teknologi Artificial Intelligence (AI); Teknologi Internet of Things (IoT) dan Start-up.

Dalam ucapan semasa Sidang Media, Awang Haji Mohammad Nazri, mengumumkan bahawa BICTA 2020 adalah tahun Anugerah Penaung Diraja yang memberi pengiktirafan kepada pemenang keseluruhan terbaik daripada kesemua kategori pertandingan tersebut dan anugerah tersebut akan disampaikan semasa Majlis Anugerah BICTA 2020 yang akan diadakan pada separuh akhir tahun ini nanti.

Penaung Diraja BICTA ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Jawatankuasa Penganjur akan mengadakan BICTA Plus 2020 sebagai persediaan untuk pertandingan BICTA 2020, iaitu program *bootcamp* sebagai platform untuk peserta-peserta BICTA mendapatkan bimbingan daripada progam-program khusus yang dikendalikan oleh pelatih-pelatih pakar.

BICTA Plus merangkumi pelbagai topik seperti teknologi baharu, *ideation* dan *validation*, perancangan perniagaan, harta intelek dan pembangunan produk yang sedia untuk dipasarkan. Program ini memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran serta meningkatkan kualiti produk sebelum bersaing di pertandingan tersebut.

BICTA merupakan komponen di bawah Asia-Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards, di mana kualiti dan kategori yang dibukakan adalah selaras dengan piawaian APICTA. Penyertaan Negara Brunei Darussalam di APICTA sejak 2008 telah berjaya meraih dua kemenangan dan 27 anugerah merit setakat ini. Pada tahun ini, pemenang-pemenang BICTA akan mewakili Negara Brunei Darussalam di APICTA yang akan diadakan pada November 2020 di Pulang Pinang, Malaysia.

Institut pengajian tinggi, sekolah menengah, agensi kerajaan dan syarikat perusahaan serta penduduk tempatan yang mempunyai produk dan perkhidmatan ICT untuk dipertandingkan adalah dialu-alukan bagi menyertai BICTA 2020. Maklumat lanjut mengenai BICTA dan borang permohonan boleh didapati di laman sesawang BICTA di *www.bicta.gov.bn*.

Tarikh tutup bagi mengikuti pertandingan ini ialah pada 31 Ogos 2020. Untuk maklumat lanjut, pihak yang berminat boleh menghubungi Urus setia BICTA melalui e-mel *bicta@aiti.gov.bn* atau menghubungi talian +673 2323232.

# Kepentingan perantaraan terhadap perundangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Januari. - Penggunaan perantaraan (mediasi) memainkan peranan penting dalam membantu melaporkan tentang apa sahaja yang berhubung kait dengan mahkamah. Ia turut membantu pihak mahkamah untuk memberikan kefahaman kepada orang awam. Justeru, Pejabat Kehakiman Negara terus memperkenalkan pelbagai usaha bagi memperkukuh kedudukan Kehakiman Negara Brunei Darussalam melalui pengenalan garis pandu media dan buku panduan tatacara kehakiman.

Perkara itu ditekankan oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong ketika berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020 yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan.

"Garis pandu media telah ditulis untuk menggalakkan ketelusan dan prinsip keadilan terbuka, menyediakan laporan yang adil dan tepat tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan mahkamah serta meningkatkan kefahaman awam tentang fungsi mahkamah serta tugas-tugasnya," jelas Yang Amat Arif.

Terdahulu, Yang Amat Arif turut menjelaskan tentang perkembangan penting di dalam mahkamah bagi tahun 2019 dan mengumumkan beberapa pengenalan terhadap pelbagai inisiatif oleh kehakiman bagi tahun 2020.

Badan kehakiman tetap komited terhadap penggunaan perantaraan (media) dan diharap akan dapat menerima sokongan yang konsisten terhadap *Bar*, inisiatif dalam menggalakkan perantaraan akan lebih kukuh. Walaupun proses pengantaraan tetap bersifat sukarela khususnya dalam bidang kuasa namun ia telah mencatatkan peningkatan yang baik dalam bilangan kes yang ditangani di hadapan pengantara yang diiktiraf pada tahun 2019 dan sebanyak 14 kes telah dirujuk untuk pengantaraan di Mahkamah Tinggi di mana dua dan tiga kes telah berjaya dimediasi.

"Pada bulan Ogos 2019, kita melihat Negara Brunei Darussalam bersama 45 buah negara termasuk Amerika Syarikat, China, India, Korea Selatan, Malaysia dan Singapura menandatangani Konvensyen Negara-Negara Bersatu untuk perjanjian Penyelesaian Antarabangsa yang terbit dari mediasi. Tidak hanya ia menekankan kepentingan mediasi sebagai cara untuk menyelesaikan pertikaian secara global tetapi sebagai mercu tanda, ia menggarikan komitmen yang telah di buat oleh Negara Brunei Darussalam dengan penggunaan mediasi dalam menyelesaikan pertikaian komersial antarabangsa," jelas Ketua Hakim.

Dari segi kedudukan sistem perundangan di arena antarabangsa, Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan kemajuan dalam 'Melaksana Kontrak' dan 'Menyelesaikan Insolvensi' yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Bank Dunia, Kemudahan Menjalankan Perniagaan 2020 di mana telah melonjak dari tangga ke-66 kepada 59, jelas Ketua Hakim.

Penentuan yang adil khususnya terhadap pertikaian oleh hakim-hakim mutlak di dalam mahkamah terbuka dan penerbitan alasan penghakiman adalah asas kepada kedaulatan undang-undang. Secara umumnya, orang ramai akan dapat melihat proses perundangan dan kehakiman dilakukan serta menggalakkan penerbitan media pada mahkamah merupakan cara yang baik untuk memperbaiki pengetahuan awam dan ketelusan tentang kerja mahkamah.

"Buku Etika dan Tatacara Kehakiman akan menyatakan piawaian tatacara profesional beretika yang harus dipatuhi dan di hargai oleh hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman dalam menjalankan tugas mereka demi untuk mengekalkan dan meningkatkan keyakinan orang awam pada sistem kehakiman.



**KETUA Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong.**

Garis pandu tidak akan lengkap kerana adalah mustahil untuk meliputi semua situasi dan mengamalkan pendekatan yang praktikal dalam memberi panduan serta bantuan untuk tatacara hakim dan pegawai kehakiman yang betul di mana isu-isu profesional serta etika boleh timbul," jelasnya.

Walau bagaimanapun, kehakiman dan garis pandu hanya akan berkesan, sebagaimana hakim dan pegawai kehakiman itu mengaplikasikannya. Ertinya individu-individu ini mesti menunjukkan perlakuan moral yang baik melalui nilai-nilai kemandirian, kesabaran, integriti, keadilan dan pertanggungjawaban.



**MAJLIS Pembukaan Tahun Perundangan 2020 juga turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Kehakiman Negara dan ketua-ketua jabatan kerajaan, Hakim Mahkamah Perantaraan, Pendaftar dan Majistret Mahkamah Agung, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara, peguam-peguam persendirian dan kakitangan Jabatan Kehakiman Negara.**

# Tahun Perundangan 2020 dirasmikan



**KETUA Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong ketika memeriksa perbarisan hormat Pasukan Polis Diraja Brunei di perkarangan Bangunan Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan bagi Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Januari. - Jabatan Kehakiman Negara, telah mengadakan Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020 pada majlis yang berlangsung Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Perasmian majlis pembukaan berkenaan telah disempurnakan oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Ketua Hakim Dato Seri Paduka Steven Chong.

Sejurus tiba di Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara menerima tabik hormat daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB). Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020 turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud.

Turut hadir ialah Pengarah Jabatan Kehakiman Negara dan ketua-ketua jabatan kerajaan, Hakim Mahkamah Perantaraan, Pendaftar dan Majistret Mahkamah Agung, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Timbalan Pendakwaraya Jabatan Peguam Negara, peguam-peguam persendirian dan kakitangan Jabatan Kehakiman Negara.

Majlis diteruskan lagi dengan perasmian oleh Ketua Hakim Negara diikuti dengan ucapan dari Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid dan Presiden Undang-Undang, Pengiran Izad Ryan bin Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin.

Pembukaan Tahun Perundangan merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Mahkamah Sivil di mana diadakan pada suku pertama setiap tahun. Acara ini menandakan pembukaan tahun undang-undang di mana mengumpulkan peguam negara dan persatuan undang-undang dalam memberikan cadangan bagi tindakan atau rancangan untuk dilaksanakan di sepanjang tahun.

Di samping itu, Tahun Perundangan ini juga menyediakan peluang bagi pengamal undang-undang khususnya Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang untuk membentangkan laporan tahunan mereka kepada orang ramai.

# Pembaharuan tingkat kualiti perundangan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**PEGUAM Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abd. Majid ketika berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Januari. - Permulaan tahun perundangan sering kali akan mengemukakan tahap tumpuan dan kepentingan profesion guaman secara menyeluruh. Bagi Pejabat Peguam Negara, ia sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan teras dari segi pembangunan sumber manusia dan penyelesaian kerja yang cekap malah Pejabat Peguam Negara berharap akan mencapai matlamat tersebut dengan inisiatif dan rancangan baharu dalam tempoh masa yang dikehendaki.

Perkara itu dijelaskan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abd. Majid ketika berucap pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020 yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan.

Pada tahun 2019 Perintah Anti Pemerdagangan Orang dan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang mula berkuat kuasa dan perintah-perintah ini memansuhkan perundangan yang sebelumnya yang merangkumi kedua-kedua kesalahan pemerdagangan dan penyeludupan manusia dalam perundangan yang sama.

Menyedari hakikat bahawa pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang adalah isu yang rumit dan bagi agensi penguatkuasaan yang terlibat. Perkara ini menjadi semakin sukar di kesan dengan teliti berikutan infrastrukturnya yang rumit dan melibatkan pemain utama serta kecil dan sebahagian besarnya, semata-mata untuk mendapatkan keuntungan.

Selain itu, Peguam Negara juga menekankan mengenai isu pembersihan wang haram, terdapat peningkatan dalam pendakwaan kes-kes pembersihan wang yang melibatkan kes-kes yang memecah sejumlah besar wang tunai ke dalam jumlah yang lebih kecil untuk mendepositkan ke dalam akaun bank dan menjual hasil jenayah.

Pembersihan wang haram jelasnya, telah menjadi begitu canggih sehingga terdapat keperluan yang lebih mendesak untuk perundingan, koordinasi dan kerjasama dalam kalangan negara terutama diberikan memandangkan kemajuan teknologi telah memudahkan lagi jenayah merentas sempadan.

"Saya sedar hakikat bahawa pengesanan awal mengenai pembersihan wang haram dan penyiasatan segera oleh pihak berkuasa yang berkenaan adalah sangat penting. Terdapat kesukaran oleh penyiasat untuk mendapatkan rekod dan menjejaki laluan wang tersebut. Kemunculan dan penggunaan apa yang di sebut *Anonymity enhance crytocurrencies* telah menghalang akses kepada pengumpulan bukti. Mungkin batasan yang paling ketara adalah kurangnya kepakaran manusia dan teknikal mengenai pembersihan wang haram dan ini adalah cabaran agensi-agensi penguat kuasa yang perlu segera di atasi," jelas Peguam Negara.

Seterusnya Peguam Negara turut menekankan mengenai perkara Perlindungan Data. "Perkara itu adalah penting jika kita menggalakkan pertumbuhan ekonomi khususnya dalam persekitaran dalam talian dan juga untuk memastikan tahap perlindungan yang tinggi bagi hak-hak asasi manusia," jelas Peguam Negara.

"Nampaknya, rangka kerja undang-undang kita pada perkara ini sebahagian besarnya telah berpecah dan tidak memadai hanya berkaitan Akta Penyalahgunaan Komputer. Pendek kata terdapat keperluan yang menyeluruh dengan kadar segera untuk kita menyemak dan membuat undang-undang jika perlu, undang-undang baharu memandangkan perkembangan terkini dalam standard perlindungan data serta pengumpulan data peribadi melalui penggunaan harian yang terdiri dari alat-alat elektronik," jelas Peguam Negara.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Hairol Arni turut menjelaskan bahawa Pejabat Peguam Negara akan terus memantau perkembangan profesion undang-undang secara keseluruhan dan mempercayai bahawa ahli-ahli persatuan undang-undang akan mampu membentuk perundangan dengan mengambil kira persekitaran dan pembangunan tempatan.

# Klinik Undang-Undang terus dipertingkatkan



**PRESIDEN Undang - Undang, Pengiran Izad Ryan bin Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Januari. - Persatuan Undang-Undang terus menawarkan akses kepada mereka yang kurang berkemampuan ke Klinik Undang-Undang Bulanan di mana klinik tersebut turut menawarkan khidmat nasihat perundangan kepada orang ramai yang berkelayakan.

Semenjak penubuhannya, ia telah memberikan khidmat nasihat kepada seramai 62 orang yang berhubung dengan pelbagai perkara termasuk hal ehwal muflis, tuntutan fitnah, keluarga dan syariah serta nasihat undang-undang jenayah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 42 peratus adalah golongan wanita.

Perkara itu dijelaskan oleh Presiden Undang-Undang, Pengiran Izad Ryan bin Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin semasa Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020.

Menurut beliau, pihak persatuan telah mengembangkan skop bantuan undang-undang dengan penubuhan sebuah tabung yang diluluskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membayar kos perwakilan hal ehwal keluarga dan jenayah.

Beliau menjelaskan bahawa pemohon bagi tabung tersebut perlu memenuhi keperluan yang sama dengan Klinik Bantuan Undang-Undang di mana sukarelawan terdiri daripada profesion undang-undang akan menyediakan perkhidmatan rundingan dan mitigasi kepada pemohon dalam hal ehwal jenayah.

"Ini adalah satu permulaan dan ia diharap akan dapat memperbaiki akses kepada keadilan, menyediakan peguam-peguam muda dengan peluang untuk membangunkan dan memperhalus kemahiran advokasi, tanpa perlu untuk mengambil kerja secara percuma pada perbelanjaan majikan mereka," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan harapan bahawa pembiayaan bagi tabung berkenaan dapat diperoleh menerusi sumbangan dari firma undang-undang, individu dan syarikat-syarikat.

Daripada segi fungsi pengawalseliaannya, Persatuan Undang-Undang telah mencadangkan beberapa pindaan pada Perintah Persatuan Undang-Undang yang berhubungan dengan prosedur tindakan tatatertib. Beliau menyatakan bahawa pihak persatuan percaya pindaan yang dicadangkan itu akan terus melindungi kepentingan profesion serta dalam masa yang sama menggalakkan kepercayaan dalam kalangan masyarakat awam.

Beliau seterunya menjelaskan lagi bahawa pada mesyuarat agung lalu, persatuan berkenaan telah meluluskan satu gerakan yang membolehkan majlis untuk melihat kepada penubuhan peraturan bagi insurans pampasan profesional wajib yang diamalkan oleh profesion lain serta mempercayai bahawa ia merupakan sesuatu yang baik dan dapat dijadikan sebagai satu langkah bagi perlindungan awam.

Selain itu juga, beliau menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dilalui, di mana pada tahun 2019, sebanyak 29 petisyen telah difailkan bagi kemasukan pada 'Brunei Bar' dan jumlah itu, merupakan jumlah yang tertinggi daripada tahun sebelumnya.

"Sehingga bulan September 2019, terdapat sebanyak 129 sijil telah dikeluarkan dan jika mereka yang dipanggil ke 'Bar' untuk memasuki profesion berkenaan, dengan memohon bagi sijil pengamalan tahunan itu, kita akan menyaksikan peningkatan dari segi jumlah sebanyak kira-kira 20 peratus," jelasnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa ramai pemohon terdidik di universiti-universiti terbaik di dunia dan cabarannya bukanlah bakat mereka akan tetapi keperluan untuk mengembangkan peluang profesion.

"Kita harus mengakui bahawa dalam ekonomi mencabar masa kini, mencari ruang bagi pertumbuhan berkenaan adalah amat sukar dan profesion undang-undang adalah pada dasarnya terikat dalam penyediaan perkhidmatan kepada perniagaan dan industri di mana jika aktiviti ekonomi adalah rendah, ia akan menjejaskan keupayaan profesional itu juga untuk tumbuh serta menjana peluang-peluang pekerjaan," tambahnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa akibat perkembangan teknologi dan kecerdasan buatan, ia akan menyebabkan profesional akan meluangkan lebih banyak masa terhadap pekerjaan biasa dan perkara itu mampu memberikan tekanan kepada ahli-ahli persatuan bagi menyediakan perkhidmatan mereka dalam tempoh masa dan kos yang lebih murah.

Profesion ini diharap akan dapat menyediakan analisis dan pemikiran yang berkualiti tinggi dan melengkapkan setiap ahli persatuan dengan peralatan yang diperlukan supaya ia terus relevan dalam arus dunia yang sentiasa berubah.

Setelah memasuki dekad baharu ini, cabaran-cabaran akan wujud dan Persatuan Undang-Undang perlu berdepan cabaran tersebut serta mencari kaedah untuk berubah supaya terus maju ke hadapan.

Beliau juga mengatakan bahawa Persatuan Undang-Undang perlu menyelaraskan diri dengan prinsip asas peraturan perundangan iaitu institusi bebas dan kukuh, integriti proses sewajarnya, peraturan yang jelas dan mudah difahami, kesaksamaan di hadapan undang-undang dan ketiadaan pentadbiran sewenang-wenangnya.



**ANTARA pengamal undang-undang yang hadir pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2020 yang berlangsung Bangunan Mahkamah Tinggi - Mahkamah Besar di ibu negara.**

# Indonesia berharap bina rangkaian perniagaan melalui pelancongan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG,** Khamis, 16 Januari. - Kementerian Pelancongan Republik Indonesia diberikan penghormatan dan bangga untuk menyertai negara anggota ASEAN di Negara Brunei Darussalam pada Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020.

Sejajar dengan tema ATF tahun ini, 'ASEAN Together towards a Next Generation of Travel', bermakna wilayah serantau ASEAN akan bersama menyelaras perspektif dan inovasi baharu untuk menghadapi kadar pembangunan urbanisasi luar biasa, kemajuan teknologi, dan pemulihan ekonomi yang berkembang pesat.

Ini bermakna, kerjasama intra-ASEAN bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga untuk industri yang perlu memahami pembezaan potensi pelancongan, perkongsian pengetahuan pasaran, dan menyamakan piawaian pelancongan serantau ke peringkat tertinggi.

Pengarah Pelancongan Sumber Manusia dan Hubungan Antara Institusi, Kementerian Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Republik Indonesia, Encik Wisnu Bawa Tarunajaya menyatakan mengenai perkara itu dalam mukadimahnya pada sesi ASEAN NTO Briefing Media - Kementerian Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Indonesia yang diadakan di Bilik Sindiket, Pusat Persidangan BRIDEX, di sini.

Tambahnya, kementerian itu, melalui acara seumpama ini, berharap industri-industri yang terlibat dapat memanfaatkan sepenuhnya acara ini dengan mengikuti pertumbuhan pasaran dan pesaing dalam dunia perniagaan antarabangsa, di samping perlu menjadi inovatif dalam memasarkan produk pelancongan.

Selain itu, beliau juga berharap akan dapat membina rangkaian perniagaan yang luas dan aktif.

Pelancongan di Indonesia, terangnya sedang menuju ke arah positif pada tahun 2019, ini kerana berdasarkan statistik ketibaan pelancong dari Januari hingga November 2018, bilangan pelawat antarabangsa mencapai 14,915,610 atau 3.55 peratus peningkatan berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018.

Dalam pada itu tambahnya, untuk mengoptimumkan jumlah lawatan pelancong asing dan pendapatan tukaran asing, pada tahun sebelumnya, kementerian membuat strategi formula, yang dinamakan Super Extraordinary, Extraordinary & Ordinary.

Program Ordinary adalah program yang berjaya dilaksanakan pada tahun-tahun sebelumnya, iaitu program promosi BAS (Penjenamaan, Pengiklanan dan Penjualan), sementara Program Extraordinary adalah program baharu yang dilancarkan pada tahun 2018, iaitu Hot Deals, Incentive (Airlines), and Competing Destination Model (HIC) yang menggunakan kaedah *breakthrough* dan inovatif.

Justeru, Program Super Extraordinary adalah program khas yang sengaja dijadikan sebagai senjata utama untuk mencapai sasaran akhir sebanyak 20 juta pelancong asing tahun ini, terdiri daripada tiga program, iaitu Pelancongan Sempadan, Hub Pelancongan, dan Terminal Kos Rendah (BHL).

Beliau juga menambah, pelancongan adalah mengenai orang ramai, oleh itu melabur sumber manusia akan membawa manfaat ekonomi masa depan kepada industri dan meningkatkan daya saing mereka di era global.

Oleh itu, Kementerian Pelancongan & Ekonomi Kreatif merumuskan dasar-dasar dan bersaing dengan potensi pemetaan untuk mengembangkan produk pelancongan, iaitu lima Destinasi Super Priority, iaitu Toba Lake (Sumatera Utara), Borobudur (Jawa Tengah), Mandalika (Nusa Tenggara Barat), Labuan Bajo (Nusa Tenggara Timur), dan Likupang (Sulawesi Utara).

Banyak perkembangan dalam lima Destinasi Super Priority ini dilakukan dan dalam proses berterusan bermula daripada penyediaan jalan raya, *homestay,* infrastruktur pelancongan di dalam dan luar destinasi, juga meningkatkan kesalinghubungan udara.

Pembangunan dijangka siap pada tahun 2020, dan akan ada promosi besar-besaran pada tahun berikutnya.

"Kami yakin bukan sahaja untuk memecahkan rekod lain dalam ketibaan pelawat, tetapi juga untuk meningkatkan jumlah tempoh penginapan yang mungkin datang daripada pengalaman perjalanan yang lebih berkualiti," ujar beliau.

Menurutnya lagi, tumpuan Indonesia untuk membangunkan pelancongan berdasarkan lima nilai utama kerana ia dicerminkan dalam pelan pembangunan *mid-term* mereka dari 2020 hingga 2024, di mana nilai-nilai utama adalah pelancongan mampan; Profesional pelancongan yang mahir; Kepuasan pengalaman pelancong; Pelbagai produk dan perkhidmatan pelancongan; dan Penerapan Teknologi dalam bidang pelancongan.

Nilai-nilai tersebut selaras dengan perbincangan berterusan di ASEAN dan sedang dibincangkan secara intensif melalui jawatankuasa.

Oleh itu, mereka komited untuk menyokong kerja jawatankuasa pelancongan dan dalam pada masa yang sama, mencari peluang untuk menggabungkan ekonomi kreatif ke dalam pembangunan pelancongan di rantau ini.



**PENGARAH Pelancongan Sumber Manusia dan Hubungan Antara Institusi, Kementerian Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Republik Indonesia, Encik Wisnu Bawa Tarunajaya ketika ucapan mukadimahnya pada sesi ASEAN NTO Briefing Media - Kementerian Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Indonesia.**

# Viet Nam saji kepelbagaian tarikan pelancong

**JERUDONG,** Khamis, 16 Januari. - Pelancongan Viet Nam menyimpulkan dengan kehadiran 18 juta pelancong antarabangsa pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan kemasukan sebanyak 16.2 peratus dan 85 juta pelawat domestik meningkat sebanyak enam peratus dalam tempoh tersebut, menjadikan jumlah penerimaan daripada industri pelancongan mencapai rekod tertinggi melebihi USD31.2 bilion.

Pada tahun 2019 juga, pelancongan Viet Nam memenangi banyak anugerah World Travel Awards, antaranya empat Anugerah Teratas di Asia 2019, iaitu Asia's Leading Destination 2019; Asia's Leading Cultural Destination 2019; Asia's Leading Culinary Destination 2019; dan Hoi An, Viet Nam - Asia's Leading Cultural City 2019.

Selain itu, Viet Nam turut diberikan penghormatan untuk dianugerahkan World's Leading Heritage Destination 2019 dan World's Best Golf Destination 2019.

Naib Pengerusi, Pentadbiran Pelancongan Nasional Viet Nam, Dr. Hà Van Siêu dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pemasaran Pelancongan, Pentadbiran Pelancongan Nasional Viet Nam, Encik Tran Phong Binh menyatakan mengenai perkara itu pada sesi ASEAN NTO Media Briefing - Viet Nam National Administration of Tourism, yang berlangsung di Bilik Sindiket 2, Pusat Persidangan BRIDEX, di sini.

Menurut mereka, pelancongan dianggap sebagai industri ekonomi utama di Viet Nam.



**MEDIA Antarabangsa semasa sesi soal jawab.**

Sehubungan itu, sejak beberapa tahun lalu, kerajaan Viet Nam mengeluarkan satu polisi penting yang meliputi kemudahan visa dan peningkatan persekitaran pelancongan untuk membangunkan lagi pelancongan dalam konteks antarabangsa yang baharu, terutamanya apabila Komuniti Ekonomi ASEAN ditubuhkan secara rasmi.

Justeru, pada Januari 2020, pemegang pasport tetap dari 24 buah negara di bawah tidak memerlukan visa pelancong untuk ke Viet Nam, termasuk Chile; Kemboja; Indonesia; Kyrgyzstan; Laos; Myanmar; Belarus; Denmark; Finland; Perancis; Jerman; Itali; Jepun; Norway; Rusia; Korea Selatan; Sepanyol; Sweden; dan United Kingdom.

Sementara pada Februari 2019 tahun lalu, *e-visa* Viet Nam dibukakan kepada pemohon di 80 buah negara.

Tambah mereka, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Viet Nam juga muncul sebagai destinasi kelas dunia yang merealisasikan pengalaman pelawat dan pelancong yang tiada tandingan, bermula daripada keajaiban semula jadi, persembahan kebudayaan untuk lawatan pengembaraan dan pantai yang indah dengan beberapa pusat peranginan terkemuka di dunia.

Viet Nam dan rakyatnya banyak menawarkan ke pasaran ASEAN daripada kepelbagaian produk, keaslian berbeza, juga menawarkan pengunjung tradisi perkhidmatan yang dibina di atas warisan kebudayaan yang luar biasa ditambah dengan keramahan dan kecanggihan yang tidak tertandingi.

Menurut Encik Tran Phong Binh, banyak destinasi yang menjadi popular bagi pelancong antarabangsa, termasuk ibu kota Hanoi, Sa Pa, Hue, Da Nang, Hoi An, Nha Trang, Binh Thuan, Phu Quoc, Vung Tau, Ha Long, Ninh Binh dan Ho Chi Minh City.

Selain itu, pelbagai destinasi dan perkhidmatan baharu juga muncul dan menjadi semakin popular, termasuk pelancongan eksplorasi Gua Son Doong yang terkenal di seluruh dunia, melawat Dong Van Karst Plateau Geopark, pengalaman Warisan Dunia Alam Ha Long Bay, menjelajah Mekong dan syurga tropika yang damai di Phu Quoc.

Bagi sektor penerbangan pula, 2019 menjadi tahun pengumuman syarikat penerbangan baharu, yang meningkatkan bilangan syarikat penerbangan yang dilesenkan oleh negara ini kepada sembilan syarikat penerbangan dan jumlah pesawat dijangka akan meningkat kepada lebih 220 unit pada tahun 2020.

Selain beberapa acara 'Visit Vietnam Year 2020', yang berlangsung di sepanjang tahun, acara utama lain termasuk Viet Nam International Travel Mart, 1 - 4 April; Festival Hue, 1 - 4 April; Hanoi Formula 1 Grand Prix; Da Nang Fireworks Festival 2020.

Di samping itu, pelbagai aktiviti juga akan turut diadakan di negara berkenaan pada tahun depan apabila Viet Nam mengambil alih Pengerusi ASEAN 2020, terutama Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 pada April mendatang yang akan diadakan di Da Nang dan Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan November yang akan berada di Hanoi.

Sebagai sebahagian daripada pelan pemasarannya untuk tahun 2020, VNAT melancarkan Kempen "#VietnamNOW", dan pada tahun 2020 ini, industri pelancongan Viet Nam akan memfokuskan pada mempromosikan sejarah budaya sejarah negara, warisan dan aset alam semula jadi, di samping tahun 'Visit Viet Nam Year - Hoa Lu, Ninh Binh'.

ASEAN TOURISM FORUM BRUNEI 2020




**TAKLIMAT daripada Naib Pengerusi, Pentadbiran Pelancongan Nasional Viet Nam, Dr. Hà Van Siêu.**

# Myanmar perluas pelancongan di negaranya

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Khamis, 16 Januari. - ASEAN Toursim Forum (ATF) adalah usaha serantau yang dihasrat untuk mempromosi Persatuan Negara-negara ASEAN sebagai satu destinasi pelancongan, di mana ia melibatkan sektor-sektor industri pelancongan daripada 10 buah negara ASEAN.

Sehubungan itu, sesi ASEAN NTO Media Briefing - Ministry of Hotels and Tourism, Myanmar mengambil tempat di Bilik Sindiket 2, Pusat Persidangan BRIDEX, di sini, dipengerusikan oleh Pengarah, Kementerian Perhotelan dan Pelancongan, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Hla Myint.

Beberapa perkara turut diketengahkan menerusi taklimat tersebut, antaranya mengenai Statistik Pelancongan yang dikemas kini, Dasar Visa dan Perjalanan, Peluang Pelaburan, Promosi Pelancongan dan Pemasaran jugaa Aktiviti Masa Depan.

Tuan Hla Myint menerangkan jumlah kemasukan pelancong ke negara tersebut meningkat dari tahun sebelumnya, di mana menurut Statistik Kemasukan Pelawat, pada tahun 2019 mencatatkan jumlah kemasukan secara keseluruhan meningkat sebanyak 23 peratus (4,364,101) melalui udara, laut, dan darat.

Sementara statistik ketibaan pelawat mengikut wilayah juga semakin meningkat pada tahun 2019, di mana antaranya dari Amerika, Eropah, Afrika Selatan, Timur Tengah, Asia dan Oceania yang menjadikan jumlah peningkatannya sebanyak 38 peratus secara keseluruhan.

Manakala Statistik Ketibaan Pelawat dari ASEAN mencatatkan Thailand sebagai negara teratas, diikuti dengan Republik Singapura, Republik Sosialis Viet Nam, Malaysia, Republik Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, dan Brunei, dan dari ASEAN+3 mencatatkan China sebagai negara teratas, diikuti dengan Jepun, Republik Korea dan India.

Daripada jumlah kemasukan positif ini tambahnya, menyebabkan peningkatan kepada keperluan perhotelan dan Guest House, terutama di Yangon, Mandalay, Bagan dan Nyaung Shwe.

Menyentuh mengenai Dasar Visa dan Perjalanan pula, Myanmar kini membaharui beberapa dasar tertentu, antaranya Pengecualian Visa kini diberikan kepada negara Jepun, Republik Korea, Macau dan Hong Kong.

Sementara itu, bermula 1 Oktober 2019 tahun lepas, Visa semasa Ketibaan untuk Pelancong (Visa on Arrival - VOA - to Tourists) diberikan tempoh satu tahun bagi pelancong dari China; India; Germany; Spain; Italy; Switzerland; Austalia; dan Rusia.

Manakala bermula 1 Januari tahun ini, Visa semasa Ketibaan untuk Pelancong (Visa on Arrival - VOA - to Tourists) diberikan tempoh tiga tahun bagi pelancong dari Austria; Czech Republic; Hungary; Luxembourg; dan New Zealand.

Bercakap mengenai jumlah syarikat penerbangan yang dikendalikan di Myanmar, mencatatkan Yangon International Airport (39 pengendali); Mandalay International Airport (15 pengendali); dan Nay Pyi Taw International Airport (dua pengendali).

Pada taklimat itu juga, Tuan Hla Myint juga turut mengetengahkan mengenai peluang pelaburan daripada beberapa sektor pelaburan yang berpotensi terdiri daripada Penginapan (Hotel dan Resort); Restoran; Perkhidmatan dan Kemudahan (Institut Latihan, Pusat Konvensyen, Pusat Membeli-belah, Agensi-agensi Pelancongan, dan pengendali pelancongan); dan Pengangkutan (Kereta Sewa, Syarikat Penerbangan dan Lapangan Terbang).

Selain itu, Myanmar juga mengetengahkan beberapa kawasan yang boleh dijadikan sebagai pelaburan berpotensi, iaitu Chin State; Shah State; Kayah State; Mon State; Kavin State; dan Tanintharyi.

Menyentuh mengenai promosi dan pemasaran pula, Myanmar kini mengetengahkan Bandar Bagon yang diiktiraf dan dianugerahkan sebagai status Tapak Warisan Dunia UNESCO bagi tarikan pelancong.



**TAKLIMAT daripada Pengarah, Kementerian Perhotelan dan Pelancongan, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Hla Myint.**



**ANTARA media yang hadir terutamanya media daripada antarabangsa.**



**TAKLIMAT daripada Naib Pengerusi, Pentadbiran Pelancongan Nasional Viet Nam, Dr. Hà Van Siêu dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pemasaran Pelancongan, Pentadbiran Pelancongan Nasional Viet Nam, Encik Tran Phong Binh.**

# Lawatan Tuan Zhang Xu sempena ATF

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Tuan Zhang Xu mengadakan lawatan ke beberapa buah tempat tarikan pelancongan bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN (ATF) Ke-39 di Bandar Seri Begawan, di sini.

Lawatan Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dimulakan dengan persiaran sepanjang Sungai Brunei, diikuti dengan kunjungan ke Galeri Pelancongan dan Kebudayaan Kampong Ayer dan rumah penduduk tempatan.

Rombongan seterusnya berkunjung ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien, seterusnya ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ATF 2020 dengan tema 'ASEAN - Bersama Ke Arah Menuju Generasi Perjalanan Akan Datang', bermula pada 12 Januari lalu.

Tema ATF tahun ini adalah relevan dengan apa yang dihadapi dunia hari ini, kerana ia mencerminkan cara industri pelancongan berkembang pesat.

Dalam hal ini, Pelancongan ASEAN amat mengiktiraf bahawa inovasi juga teknologi membawa faedah kepada industri pelancongan, dan membentuk cara, di mana kerajaan, pihak berkepentingan utama juga komuniti merangkumi trend semasa transformasi digital.



**TIMBALAN Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat China, Tuan Zhang Xu semasa mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN (ATF) Ke-39 di Bandar Seri Begawan.**

# Daftarkan anjing awda sebelum 1 Februari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) ingin memaklumkan bahawa para pemilik anjing peliharaan atau yang baharu memiliki anjing supaya mendaftarkan anjing mereka sebelum 1 Februari 2020.

Anjing-anjing yang didaftarkan hendaklah berusia tiga bulan ke atas.

Pendaftaran bolehlah dibuat di Kaunter-kaunter Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan; Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria; dan Jabatan Bandaran Tutong.

Kaunter Pembayaran dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis, dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan 1.30 petang hingga 3.00 petang; juga Sabtu, dari pukul 7.45 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Anjing (Penggal 60) Bab 4, jika gagal mendaftarkan anjing-anjing, mereka akan dijatuhkan hukuman denda BND250 atau 14 hari penjara bagi kesalahan pertama, manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh dijatuhi hukuman denda BND500 atau sebulan penjara.

KHEDN ingin mengingatkan pemilik anjing yang didaftarkan perlulah dikalungkan lencana pada leher anjing pada setiap masa. Bagi pemilik berdaftar yang mempunyai lencana anjing, tetapi tidak dikalungkan pada anjing tersebut juga akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman denda BND250 atau sebulan penjara di bawah Akta Anjing (Penggal 60) Bab 5 (1).

Pemilik anjing peliharaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anjing-anjing peliharaan mereka untuk sentiasa berada di dalam kawasan rumah sahaja sama ada di kandang / sangkar atau ditambat.

## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 05/01/20 (SPA/BIKL)**
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 18 JANUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 01 FEBRUARI 2020**

| | |
|---|---|
| **1. TIMBALAN PENGARAH PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN**<br>**KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I)**<br>PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2019/0047/01** | **2. PEGAWAI PERTANIAN**<br>**B.2 EB.3(BAHAGIAN II)**<br>JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN<br>KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2020/002/05** |
| **3. PENGUASA KANAN BOMBA DAN PENYELAMAT**<br>**P9 / P10 (BAHAGIAN II)**<br>JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI<br>**KEKOSONGAN = TIGA (03)**<br>**2019/0052/05** | **4. PENOLONG PENTADBIR**<br>**C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)**<br>JABATAN-JABATAN KERAJAAN<br>**KEKOSONGAN = TIGA (03)**<br>**2020/002/02** |

**PERATURAN 38(A)**
**BILANGAN IKLAN 03/2020 (SPA/BIKL)**
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 18 JANUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 01 FEBRUARI 2020**

| | |
|---|---|
| **1. PENOLONG PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA**<br>**KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I)**<br>JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA<br>KEMENTERIAN PERTAHANAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2020/002/08** | **2. PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KANAN**<br>**B.3 (BAHAGIAN II)**<br>KEMENTERIAN PERTAHANAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)**<br>**2020/002/06** |

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
**www.recruitment.gov.bn**

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel **query@spa.gov.bn**

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
IKAN / 78(Q) / 0009 / 2020

**TAJUK SEBUT HARGA :**
INSTALLATION WORK OF INCOMING POWER SUPPLY UNDERGROUND CABLE AT SPG. 217, KG. SUNGAI JAMBU, JALAN TUNGKU, SUNGAI JAMBU AQUACULTURE SITE

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
IKAN / 78(Q) / 0010 / 2020

**TAJUK SEBUT HARGA :**
BUILDING REPAIR AND MAINTENANCE WORKS AT OFFICE AREA IF DEPARTMENT OF FISHERIES

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :**
ISNIN, 20 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

### PENGAMBILAN REKRUT POLIS KONSTABEL WANITA

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENGAMBILAN REKRUT POLIS KONSTABEL WANITA**

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Mempunyai Kad Pengenalan Pintar berwarna **kuning** sahaja.

3. Mempunyai kelulusan 2 kredit dalam mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa (GCE 'O' Level dan lulus dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan **Bahasa Inggeris**) atau sijil Pre-National Diploma di dalam bidang yang bersesuaian atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

4. Taraf Kelamin : **Bujang**.

5. Pemohon **wanita** hendaklah berumur di antara **18** hingga **28 tahun**;

6. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut :

**KELAYAKAN BAGI BAKAL REKRUT WANITA**
Ketinggian :
**1.57 meter (5 kaki 2 inci)**
Indeks Jisim Tubuh (BMI) :
**19** hingga **27 (lulus)**
Formula :
Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m) = BMI

7. **Tidak buta warna**.

8. Mestilah **lulus ujian ketahanan jasmani, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan**.

### PENGAMBILAN REKRUT POLIS TAMBAHAN (APO)

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENGAMBILAN ANGGOTA POLIS TAMBAHAN (APO)**

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Mestilah pemegang Kad Pengenalan Pintar berwarna **kuning** dan **Ungu** sahaja. Bagi pemohon yang mempunyai Kad Pintar berwarna ungu mesti memegang pasport Negara Brunei Darussalam dan tidak memiliki pasport negara lain.

3. **Mempunyai kelulusan 1 kredit dalam mata pelajaran [Sijil Am Peringkat Biasa] (GCE 'O' Level** dan **lulus dalam mata pelajaran bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris)** atau [sijil Pre-National Diploma] di dalam bidang yang bersesuaian atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

4. Taraf Kelamin : **Bujang** dan **Berkahwin**;

5. Pemohon **lelaki** hendaklah berumur di antara **18** hingga **30 tahun**;

6. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan Indeks Jisim Tubuh (BMI) yang telah ditetapkan seperti berikut :

**KELAYAKAN BAGI BAKAL REKRUT APO**
Ketinggian :
**1.57 meter (5 kaki 2 inci)**
Indeks Jisim Tubuh (BMI) :
**19** hingga **27 (lulus)**
Formula :
Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m) = BMI

7. **Tidak buta warna.**

8. Mestilah **lulus ujian ketahanan jasmani, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan**.

**TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN**

1. Borang-borang permohonan boleh didapati di **Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong pada 20 Januari 2020 hingga 27 Januari 2020 waktu pejabat (Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu jam 8.30 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **4.00 Petang).**

2. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke **Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong** tidak lewat dari **27 Januari 2020** pada jam **4.00 Petang**.

3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing.

4. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pejabat Pengambilan, Pusat Latihan Polis di talian +673 2459500 sambungan 356.**

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**TAWARAN JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**TAWARAN BILANGAN JDBM / Q / 101 / 2019**

**MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU CUCUL BERTEMPAT DEWAN KEMASYARAKATAN LAMBAK KANAN I, MUKIM BERAKAS 'B', NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP TAWARAN : SELASA, 21 JANUARI 2020 JAM 2.00 PETANG**

## JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 185 / 19 - 20
REPLACEMENT OF NOTEBOOKS FOR SUPERVISORY ENGINEERS

Bayaran tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Salinan Kertas :
BND5.00 (jika perlu)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2020
(jam 2.00 Petang)

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA [BAHAGIAN MAKAN TENGAH HARI - SECARA BERHIDANG]**

**BILANGAN TAWARAN :**
1) KHEU / JPI / MM / SAR / 06
**KETERANGAN :**
**SEKOLAH ARAB RIMBA**
BAYARAN YURAN TAWARAN :
**BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

2) KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAHS, KATOK / 09
**KETERANGAN :**
**SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA, KATOK**
BAYARAN YURAN TAWARAN :
**BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Tarikh akhir mengambil borang tawaran :
**Khamis, 27 Jamadilawal 1441H / 23 Januari 2020M**

Tarikh tutup tidak lewat pada :
**Selasa, 3 Jamadilakhir 1441H / 28 Januari 2020M**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang**

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 062 / 2019

TAJUK TAWARAN :
MENAIKTARAF 11KV 1,250A METALCLAD SWITCHGEAR BAGI STESEN ELEKTRIK UTAMA RPN BUKIT BERUANG DAN LAYONG, TUTONG

TARIKH TUTUP :
18 FEBRUARI 2020 / SELASA
(JAM 2.00 PETANG)

## PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KENYATAAN TAWARAN

1. BILANGAN TAWARAN :
(9) NDMC / TSH / 2019-2020

TAJUK TAWARAN :
**SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF CONTAINER FOR NATIONAL DISASTER MANAGEMENT CENTRE**

YURAN TAWARAN :
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP :**
**Rabu, 29 Januari 2020**
**(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

2. BILANGAN TAWARAN :
(11) NDMC / TSH / 2019-2020

TAJUK TAWARAN :
**TO SUPPLY, DELIVERY INSTALL, CONFIGURE, TEST, COMMISSION, TRAIN, MAINTAIN OF CCTV MONITORING SYSTEM AND ACCESS CONTROL AT THE NATIONAL DISASTER MANAGEMENT CENTRE.**

YURAN TAWARAN :
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP :**
**Rabu, 29 Januari 2020**
**(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

## JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**BILANGAN RUJUKAN :**
**JBBSB / SH / 2019-2020 / 32 / UP.**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**QUOTATION FOR OPERATION SWITCH ON AND OFF AND MAINTENANCE OF DECORATIVE LIGHTINGS AT BANDAR SERI BEGAWAN FOR 36TH NATIONAL DAY CELEBRATION 2020.**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :**
**KHAMIS, 23 JANUARI 2020**
**JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARI :**
**UNIT PEMULIHARAAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
**BAHAGIAN PEMULIHARAAN DAN KENDERAAN**
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**TINGKAT 6**
**BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL & PERDAGANGAN BUMIPUTRA**
**JALAN CATOR**
**BANDAR SERI BEGAWAN.**

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**SEBUT HARGA BAGI :**

1. GENERAL PAINTING OF FIRE VEHICLES
(RUJ : JBP / TSH / 81 / 2019-2020)

2. REPLACEMENT OF NEW FIRE DOOR AND SIGNAGE AT FIRE AND RESCUE HEADQUARTERS BUILDING AND TECHNICAL BUILDING, OLD AIRPORT BERAKAS
(RUJ : JBP / TSH / 82 / 2019-2020)

3. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SUBMERSIBLE PUMP AND ACCESSORIES
(RUJ : JBP / TSH / 83 / 2019-2020)

4. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR LED FLASH LIGHT
(RUJ : JBP / TSH / 84 / 2019-2020)

5. MEMBEKAL DAN MENGHANTAR :
i. GRASS TRIMMER (PUSH TYPE)
ii. LAWN MOWER COMPLETE WITH CATCHER
iii. BRUSH CUTTER COMPLETE WITH SHAFT AND ASSY
(RUJ : JBP / TSH / 85 / 2019-2020)

6. STAINLESS STEEL DOME SET COMPLETE WITH PORCELAIN BOWL
(RUJ : JBP / TSH / 86 / 2019-2020)

7. MAINTENANCE OF LOCAL AREA NETWORK INFRASTRUCTURE
(RUJ : JBP / TSH / 87 / 2019-2020)

**TARIKH TUTUP / JAM :**
**Khamis, 23 Januari 2020, 1.50 Petang**

**YURAN TAWARAN : BND5.00**

MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
KUALA BELAIT

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : PR / KB / 8 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHANG LIT CHUANG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LAU SIT FONG** yang telah meninggal dunia di **MALAYSIA** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : KB / LA / 09 / 2018

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOLLY YAPP HONG KIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MAUD YAPP VOO SUK** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 33 / 2015

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHD. YAHYA BIN HJ. ABDUL GHANI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KHADIJAH BINTI HAJI MOHD. YAHYA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 83 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **FIONA MBAIR BINTI JUN CHIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JUNCHIN BIN LINGGANG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 84 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHONG MEI FUNG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ZIMAH BINTI UTAR** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 85 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHRISTOPHER TAI KIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **BRIDGET BINTI TAI KIM PANCRAS** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 8.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 86 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANGKU ABDUL QAYUM BIN PG. BAKAR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN BAKAR BIN PENGIRAN HAMDAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 87 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH TIJAH BINTI HAJI MATUSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MARIAH BINTI HAJI MATUSIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 88 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MARJORY TOIDY** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **NG CHENG SWEE** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 89 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TAN JEK HUI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **FOO ENG WAH @ FU YING FA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 92 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORHAFIZAH BINTI ABDUL RASHID** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MINAH BINTI TALIM** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

### SURAT KUASA PUSAKA NO. : LA / KB / 93 / 2019

**KENYATAAN**

Bahawa permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **QUEENITA ANAK LUTA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SUHAIMI ANAK BUJANG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **22 JANUARI 2020, jam 1.30 Petang.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh : 28 Disember 2019.

**PENGIRAN MASNI BINTI PENGIRAN HAJI BAHAR**
**Timbalan Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darusssalam.**




# Menegakkan Amar Ma'aruf Nahi Munkar

**B**ERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan jua di akhirat.

Agama Islam menganjurkan kita umatnya untuk sentiasa menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan hidup sesama umat manusia agar dapat membangun ukhuwah yang teguh, bersatu padu dan bekerjasama. Oleh itu, bagi mencapai tujuan tersebut, Islam menganjurkan supaya kita melaksanakan Amar Ma'ruf Nahi Munkar, iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Daripada Hudzaifah bin al-yaman, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Demi Allah yang jiwa ku berada ditangan-Nya, kamu harus melaksanakan amar ma'ruf nahi munkar atau jika tidak, maka Allah akan mengirimkan seksa, kemudian kamu berdoa dan tidak diterima oleh Allah bagi mu".* - (Riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

Ma'ruf bermaksud segala perbuatan atau amalan terpuji yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Amar Ma'ruf adalah suatu perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang mesti dilaksanakan oleh setiap umat Islam agar dapat membentuk sesebuah masyarakat yang aman dan sejahtera bagi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala Munkar pula bermaksud segala perbuatan yang menjauhkan diri daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam erti kata yang lain *nahi munkar* merupakan peraturan Allah Subhanahu Wata'ala yang mesti ditegakkan dalam sesebuah masyarakat mahupun negara agar gejala-gejala mungkar seperti maksiat, kezaliman, penganiayaan dan sebagainya, tidak bermaharajalela dan merosakkan nilai-nilai kehidupan yang murni terutama nilai-nilai ajaran agama Islam.

Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa bersikap adil dan bijaksana dalam menegakkan Amar Ma'ruf Nahi Munkar demi memelihara dan memuliakan hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, ia perlu kepada beberapa cara dan pendekatan sepertimana yang telah disebutkan dalam Al-Quran, antaranya:

**Pertama :** Menyuruh dan menyeru dengan cara yang baik.

**Kedua :** Memberi pengajaran kepada masyarakat tentang akibat buruk perbuatan mungkar.

**Ketiga :** Mengajar dan mendidik masyarakat agar tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah dan kemuliaan akhlak.

**Keempat :** Memudahkan dan tidak menyulitkan sesuatu tindakan agar senang dan mudah diterima. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 286 yang tafsirannya :

*"Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajiban) melainkan apa yang terdaya olehnya".*

Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi panduan yang jelas tentang cara menegakkan dan melaksanakan tanggungjawab mencegah kemungkaran. Daripada Abu Sa'id Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Barang siapa antara kamu yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, dan jika tidak mampu maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian adalah selemah-lemah iman".* - Riwayat Al-Imam Muslim).

Hadis tersebut menjelaskan bahawa terdapat tiga cara dalam mencegah kemungkaran dalam sesebuah masyarakat menurut keupayaan masing-masing, antaranya :

**Pertama :** Mengubah dengan tangan, iaitu mengubah dengan kuasa yang ada pada diri seseorang mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing.

**Kedua :** Mengubah dengan lidah, iaitu mengubah dengan percakapan atau lisan dengan memberi nasihat dan bimbingan yang baik, iaitu sekiranya tidak mampu mengubah dengan kuasanya.

**Ketiga :** Mengubah dengan hati, iaitu dengan cara membenci kemungkaran tersebut di dalam hati dan inilah merupakan selemah-lemah iman.

Allah Subhanahu Wata'ala melaknat orang-orang yang mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mencegah kemungkaran sedangkan mereka berkuasa atau mampu untuk melakukannya. Ketahuilah, apabila kemungkaran telah dilakukan secara terang-terangan dalam sesebuah masyarakat tanpa ada rasa tanggungjawab dan usaha untuk mencegahnya, maka kemungkaran akan semakin menjadi-jadi dan kemungkaran itu pula apabila sudah biasa dilihat dan didengar maka perkara tersebut akan mula dianggap sebagai perkara remeh dan ringan atau biasa-biasa sahaja, dan menjadikan masyarakat tidak lagi melihat kemungkaran itu sebagai satu dosa dan kejahatan. Hal itulah yang perlu kita sedari serta ubah kerana setiap kemungkaran akan mengundang kepada dosa, dan setiap dosa itu akan mengundang kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, adalah tidak mustahil bagi Allah Subhanahu Wata'ala akan menurunkan bala dan azab-Nya. Ketahuilah, bala dan azab itu bukan hanya akan menimpa orang-orang yang berbuat maksiat bahkan juga kepada seluruh masyarakat yang tinggal di tempat itu, walaupun mereka tidak melakukan perbuatan maksiat tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 25 yang tafsirannya :

*"Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksaan-Nya".*

Ingatlah bahawa agama Islam itu agama yang diterima menjadi agama rasmi negara kita adalah sangat mementingkan keharmonian dan kesejahteraan dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu, bagi membanteras dan mencegah berlakunya perbuatan mungkar yang dianggap sebagai jenayah sama ada menurut undang-undang syarak dan sivil di negara ini, antara agensi kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan ialah Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain menurut undang-undang adalah yang bertanggungjawab untuk menegakkan undang-undang bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin dan terpelihara.

Akan tetapi, ini tidak bermakna bahawa kita menyerahkan tugas berkenaan sepenuhnya kepada Pasukan Polis dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain sahaja. Oleh itu, kerjasama daripada masyarakat dan juga pihak-pihak yang berkepentingan adalah sangat diharapkan agar setiap perlakuan jenayah dapat dicegah dari berlaku.

Akhirnya, khas bagi Pasukan Polis Diraja Brunei sama-samalah kita berdoa bersempena 99 tahun usia penubuhannya agar ia dapat menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan jujur, amanah, ikhlas dan dedikasi. Mudah-mudahan dengan demikian negara kita kekal menjadi sebuah negara yang aman sejahtera dan sentiasa mendapat perlindungan serta rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Imran, ayat 104 yang tafsirannya :

*"Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf, serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan".*

# Program Latihan Digital untuk warga emas



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong (kiri) semasa menyampaikan Sijil Program Latihan Digital kepada salah seorang peserta.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Januari. - Pihak berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) meneruskan lagi Program Latihan Digital bagi warga emas di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Daerah Tutong dari 13 hingga 15 Januari 2020. Program tersebut bertujuan untuk membantu warga emas agar celik digital supaya mereka dapat memanfaatkan teknologi yang ditawarkan.

Program ini disertai seramai 21 orang warga emas dari Pusat Kegiatan Warga Emas dari Daerah Tutong. Program selama tiga hari itu diselenggarakan dengan kerjasama dari sektor kerajaan dan swasta serta demonstrasi praktikal yang disampaikan oleh jurulatih dan fasilitator termasuk dari Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan; IT Protective Services Sdn. Bhd. (ITPSS) dan wakil daripada syarikat e-dagang tempatan seperti *Naindah.com, Rotuku.com* dan *Weelago.com.*

Program tersebut turut mengetengahkan pelbagai topik termasuk kemahiran asas ICT, keselamatan dalam talian, pengenalan kepada e-Commerce, aplikasi mudah alih yang berguna, membeli-belah dalam talian serta transaksi dalam talian.

Program Latihan Digital ini diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil yang disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang juga selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong.

Program Latihan Digital untuk warga emas mula diperkenalkan pada bulan Oktober 2019 di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Brunei dan Muara. Setakat ini, lebih daripada 80 warga emas telah menyertai program ini. AITI turut merancang untuk mengadakan program tersebut di Pusat Kegiatan Warga Emas di Kuala Belait dan Temburong.

Dengan maklum balas yang positif, ia diharap bukan sahaja akan memberi kesedaran kepada warga emas tentang pentingnya celik digital tetapi juga untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka. AITI tetap komited dalam usahanya untuk membina masyarakat digital yang inklusif.

AITI juga berharap komuniti warga emas dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang disediakan dan menjadi sebahagian daripada rakyat bertulis secara digital dan tidak ketinggalan dengan perkembangan dunia.

# BIBD persiapkan pemimpin masa depan

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyediakan peluang pekerjaan dalam industri perkhidmatan kewangan tempatan dan juga melabur dalam pembangunan modal insan sehingga BND10 juta dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokar berkata, mereka sangat bangga dengan usaha untuk membangunkan peluang dan keupayaan modal insan negara, dan akan terus melakukan segala yang dapat dilakukan untuk menyokong Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dari segi pembinaan keupayaan, BIBD komited dalam pembangunan kakitangan yang sedia ada melalui pelbagai strategi dan rangka kerja yang bertujuan untuk menghasilkan para pemimpin tempatan dan membina tenaga kerja yang berkualiti tinggi.

Dengan peningkatan pelaburan dalam pembelajaran dan pembangunan, BIBD memastikan bahawa para pekerja mempunyai akses yang mencukupi untuk peluang latihan dan pembangunan.

BIBD juga meneruskan usahanya untuk mengenal pasti dan memberi peluang kepada pekerja berpotensi tinggi untuk mengambil peranan sebagai pemimpin masa depan BIBD.

Sebagai contoh, Program Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge (IFLP), iaitu sebuah program antarabangsa yang berprestij yang dikendalikan oleh Universiti Cambridge di United Kingdom, di mana tiga pekerja BIBD diletakkan di antara Top Five Most Outstanding Attendees antara tahun 2016 dan 2018.

Pada tahun 2017, lebih daripada 50 kakitangan BIBD mengambil bahagian dalam bengkel dua hari untuk mempelajari Scorecard Implementation yang dikendalikan oleh S&P Global Market Intelligence yang menyediakan penyelesaian data, penyelidikan, dan analisis yang memberi tumpuan kepada data pasaran global, penyelesaian risiko kredit dan penilaian keselamatan dan harga.

Di samping itu, lebih daripada 70 peratus daripada Pasukan Pengurusan Kanan BIBD terdiri daripada penduduk tempatan yang mempunyai inisiatif perancangan dan penggantian pengetahuan yang jelas.

Sebagai sebahagian daripada komitmen bank-bank untuk membangun pemimpin generasi akan datang, BIBD juga bekerjasama dalam membangunkan Program Pembangunan Kepimpinan dengan International Centre for Leadership in Finance (ICLIF).

Penekanan pihak bank terhadap pembangunan bakat, digabungkan dengan pakej imbuhan yang menggalakkan dan penghargaan, dapat dilihat dalam hasil Kajian Pengalaman Pekerja dalaman yang dijalankan pada tahun 2018.

Tinjauan ini menunjukkan bahawa lebih daripada 83 peratus pekerjanya gembira dan bangga menjadi pekerja bank dan lebih 74 peratus mengatakan bahawa BIBD adalah tempat yang bagus untuk bekerja.

Penekanan BIBD terhadap pembangunan bakat adalah salah satu kekuatan utama BIBD. Dengan matlamat bahawa BIBD akan berkembang apabila tenaga kerjanya berkembang, BIBD akan meneruskan usaha mereka untuk membina kecemerlangan dan bertujuan untuk menjadi bank pilihan bagi keupayaan dalaman BIBD serta negara secara umum.



**DUA kakitangan Bank Islam Brunei Darussalam yang menyertai Program Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge di United Kingdom.**

# STAR latih, bimbing pembacaan Al-Quran bertaranum

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**SERIA**, Jumaat, 17 Januari. - Memetik sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi sabdanya, adalah menjadi satu aset utama negara, dan perlu berusaha dengan gigih untuk melahirkan modal insan yang beriman, bertakwa juga berakhlak berlandaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

Sehubungan itu, Jabatan Pengajian Islam (JPI) mengadakan Majlis Pendaftaran Pelajar-pelajar Baharu bagi Pengambilan Ke-23 Sesi 2020 - 2021 bagi Daerah Belait dan menerima seramai 12 orang peserta daripada 23 orang peserta yang berjaya mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) yang terlebih dahulu menjalani temu duga.

Bagi Daerah Belait, pendaftaran diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri, Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria.

STAR merupakan skim yang dikendalikan oleh JPI bagi melahirkan remaja berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertaranum.

Dalam temu bual bersama Pegawai Bahagian IRK, Belait, Awang Ishak bin Ahmad berkata, objektif dan matlamat STAR ditubuhkan pada tahun 1997, adalah untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur untuk melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran remaja yang berpotensi yang dihasratkan sebagai pelapis qari dan qariah negara.

Tiga tenaga pengajar diaturkan bagi mengendali STAR berkenaan, iaitu Guru Tahun 1, Awang Haji Mohd. Khairuddin bin Haji Meraji; Guru Tahun 2, Awang Mohd. Ikhwan bin Irwandy; dan Guru Kelas Lanjutan, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Para peserta STAR akan menjalani Program Skim selama dua tahun sebelum mara ke Peringkat Tertinggi selama setahun dan menyertai Pertandingan Peringkat Kebangsaan.

Pendaftaran dibukakan serentak di semua daerah, di Pusat-pusat Pembelajaran STAR.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan peserta diberikan taklimat mengenai Latar Belakang STAR dan Panduan Am STAR, disampaikan oleh Guru Penghubung dan tenaga-tenaga pengajar.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



**ANTARA peserta yang berjaya mengikuti Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), yang terlebih dahulu menjalani temu duga, yang mendaftar di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri, Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria.**

# JPES kendalikan BTP 2019

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang mengendalikan Banci Tahunan Perusahaan / Perniagaan (BTP) 2019 bagi Negara Brunei Darussalam.

Objektif utama BTP 2019 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai profil dan perkembangan aktiviti ekonomi perniagaan dan syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan sektor swasta, terutama sekali Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

BTP 2019 meliputi semua perniagaan dan syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan yang aktif menjalankan perniagaan di negara ini dan mengumpulkan maklumat mengenai jenis aktiviti ekonomi, bilangan pekerja, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan / perniagaan bagi tahun rujukan 2018 dan 2019.

BTP 2019 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 daripada Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

JPES ingin memberikan jaminan kepada semua perniagaan dan syarikat perusahaan / perniagaan yang terlibat bahawa maklumat yang dikumpulkan semasa banci ini akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Borang Tanya BTP 2019 sedang diedarkan kepada perniagaan dan syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan melalui pos, e-mel dan lawatan ke premis perniagaan oleh pekerja luar banci yang dilantik.

Pekerja-pekerja luar berkenaan akan membantu dan memberikan tunjuk ajar jika pihak perniagaan dan syarikat perusahaan / perniagaan menghadapi sebarang kesulitan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan.

Borang Tanya BTP 2019 boleh dimuat turun dari Laman Sesawang JPES.

Tarikh tutup untuk mengembalikan Borang Tanya BTP 2019 yang diisikan dengan lengkap ke JPES, pada 29 Februari 2020.

Adalah dimaklumkan bahawa menurut Bab 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang dikehendaki atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.00.

Hasil yang diperoleh melalui BTP 2019 akan dapat memberikan maklumat komprehensif dan terkini mengenai profil perniagaan dan syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar berkaitan perkembangan sektor swasta sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selain itu, pihak perniagaan dan syarikat-syarikat perusahaan / perniagaan sendiri juga boleh menggunakannya dalam merancang dan memperkembangkan aktiviti dan strategi perniagaan masing-masing.

Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua perniagaan dan syarikat perusahaan / perniagaan dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan banci ini.

Sebarang pertanyaan mengenai BTP 2019 ini, bolehlah dirujuk ke JPES menerusi talian telefon +673 2230251 atau +673 2233344 sambungan 430 / 431 / 432 / 433 / 436 / 439 (waktu pejabat) atau e-mel ke *economic.census@jpke.gov.bn* atau laman sesawang *www.depd.gov.bn*.

# Tidak ada tanda kemunculan virus influenza baharu

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi penyakit influenza di Negara Brunei Darussalam pada ketika ini, di mana Kementerian Kesihatan melaksanakan pemantauan secara berterusan sejak tahun 2009.

Pemantauan ini meliputi Kadar jumlah pesakit yang menghidap Penyakit yang Serupa dengan Influenza atau Influenza Like-Illness (ILI) yang mendapatkan rawatan di beberapa buah Pusat Kesihatan di negara ini; dan Kadar pesakit yang menghidap Jangkitan Pernafasan Akut yang Teruk atau Severe Acute Respiratory Infection (SARI) yang dirawat di hospital-hospital kerajaan.

Berdasarkan pemantauan tersebut, didapati terdapat peningkatan jumlah pesakit yang menghidap ILI sejak bulan Disember 2019 hingga sekarang, di mana setakat ini, seramai 6,274 orang mendapatkan rawatan di Pusat-pusat Kesihatan tersebut, berbanding dengan 5,163 orang dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Walau bagaimanapun, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan panik.

Analisa terhadap virus influenza yang dikesan daripada pemantauan ini tidak menunjukkan sebarang tanda kemunculan virus influenza yang baharu (novel virus), dan tidak ada kaitan dengan jangkitan pernafasan akut yang teruk di Bandar Wuhan, China atau Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Selain itu, keadaan yang berlaku di Negara Brunei Darussalam adalah serupa dengan keadaan yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di negara-negara lain dalam rantau Asia Tenggara, Asia Selatan dan Amerika.

Influenza adalah merupakan jangkitan virus dengan tanda-tanda utama seperti demam selesema atau flu, sakit tekak, batuk dan tanda-tanda lain seperti sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan berasa lesu.

Demam selesema atau flu adalah sangat mudah berjangkit; jangkitan influenza boleh merebak melalui titisan respiratori seperti hingus dan air liur yang terkeluar semasa seseorang itu bersin, batuk, bercakap atau bernafas.

Virus influenza bermusim (*seasonal influenza*) hanya menyebabkan demam selesema (*flu*) yang ringan pada orang biasa, tetapi boleh menyebabkan jangkitan teruk kepada kumpulan berisiko tinggi, seperti warga tua, wanita mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, asma (ampus) dan lain-lain.

Orang-orang yang berisiko tinggi, khususnya seperti yang disebutkan di atas adalah amat digalakkan untuk mendapatkan suntikan vaksin influenza bermusim (*seasonal influenza vaccine*).

Selain itu, sebagai langkah-langkah pencegahan penularan jangkitan influenza, termasuk bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk melancong ke luar negara, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan berikut, Mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi; Kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun, atau *hand sanitizer*; Mengamalkan adab batuk / bersin yang baik; Tidak bergaul dengan orang yang sedang menghidap flu; dan Sentiasa mengamalkan cara hidup sihat.

Mereka yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan influenza pula adalah dinasihatkan untuk mengamalkan perkara-perkara berikut, iaitu Berehat di rumah / tempat penginapan dan tidak pergi ke tempat tumpuan ramai.

Sekiranya perlu ke tempat awam, mereka dinasihatkan untuk memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*) dengan betul bagi mengelakkan penularan jangkitan; Menutup hidung dan mulut dengan tisu, tuala atau sapu tangan apabila batuk atau bersin.

Seterusnya, tisu yang digunakan perlu dibuang dengan segera ke dalam tong sampah; Mengelakkan daripada berkongsi peralatan peribadi seperti tuala, sapu tangan dan sebagainya bersama individu yang lain; dan Segera berjumpa bersama doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk.

Kementerian Kesihatan juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan dan menggalakkan orang ramai bagi mendapatkan dan membeli insurans perubatan atau insurans pelancongan bersesuaian daripada pihak-pihak pembekal insurans tempatan yang diiktiraf sebelum melancong ke luar negara bagi tujuan perlindungan semasa berada di luar negara.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau tren penyakit influenza di negara ini, dan akan berusaha untuk memaklumkan orang ramai sebarang status terkini mengikut kesesuaian.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang *www.moh.gov.bn.*




# Jadual tambahan bagi Musabaqah Menghafaz Al-Quran

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Januari. - Merujuk siaran media terdahulu mengenai Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah yang akan diadakan selama tujuh hari, bermula Selasa, 14 Januari 2020 Masihi lalu hingga Rabu, 22 Januari 2020 Masihi, bertempat di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 7 dan 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Musabaqah tersebut ditambah satu hari, iaitu hingga Khamis, 23 Januari 2020 Masihi bagi memberikan ruang tambahan kepada peserta baharu mendaftar untuk menyertai musabaqah tersebut.

Berikut adalah jadual terbaharu bagi musabaqah tersebut, iaitu Kategori 'C', pada Sabtu, 18 Januari dan Isnin, 20 Januari 2020. Manakala bagi Kategori 'D' pula, pada Selasa, 21 Januari 2020, Kategori 'E' pula, pada Rabu, 22 Januari 2020 dan bagi Kategori 'A' pula, pada Rabu, 22 Januari dan Khamis, 23 Januari 2020. Bagi Kategori 'B' pula sudah berlangsung pada Rabu lalu, iaitu 15 Januari 2020.

Oleh yang demikian, dimaklumkan kepada peserta-peserta yang terlibat untuk datang lebih awal pada tarikh yang disebutkan itu dan sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung terus menerusi talian +673 2237512 / +673 2233364.

# Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Januari. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi akan diadakan selama tiga malam berturut-turut, iaitu bermula pada Selasa (malam Rabu) hingga Khamis (malam Jumaat), 4, 5 dan 6 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 28, 29 dan 30 Januari 2020 Masihi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, mulai jam 7.30 malam.

Tema bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi ialah 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran'.

Antara peserta qari yang akan mengikuti musabaqah, Haji Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin; Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awang Muhammad bin Ali; Awang Muhammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah; Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; dan Awang Haji Mahruf bin Haji Chuchu.

Manakala peserta qariah pula, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab; Dayang Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman; Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri; dan Dayang Hajah Nur Hafidzah binti Haji Hassan.

Pengisian acara adalah persembahan bacaan Al-Quran daripada qari tempatan dan luar negara. Datanglah beramai-ramai dalam sama-sama menyemarakkan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi. Dengan memakai pakaian lengkap, cara melayu lengkap bagi lelaki dan baju kurung bagi perempuan.




## Apa Pendapat Biskita?

### Menghayati erti kemerdekaan, menginsafi amanah perjuangan

**MENYAMBUT** hari kemerdekaan adalah penting agar kita dapat mengukuhkan jati diri rakyat Negara kita. Negara yang harmoni dan sejahtera hanya akan dapat dibentuk jika semua dapat bersatu padu, bekerjasama dan bertoleransi. Melalui sambutan hari kemerdekaan, semua kaum dapat berkumpul bagi meraikan hari kemerdekaan negara yang kita cintai ini. Masyarakat berbilang kaum yang saling menyayangi, saling menghormati dan saling bekerjasama merupakan pemandangan paling indah untuk dipertontonkan kepada masyarakat di luar negara. Jelaslah di sini bahawa Sambutan Hari Kemerdekaan dapat mengekalkan perpaduan antara kaum.

Namun, apakah setiap masyarakat kita tahu menghayati dan menghargai makna kemerdekaan? Menerusi Apa Pendapat Biskita kali ini kita cuba mendapatkan pandangan orang ramai mengenai pentingnya menghayati kemerdekaan terutama dalam kalangan generasi belia.

"Pada pandangan saya, sejak akhir-akhir ini, generasi muda masa ini, terutamanya remaja semakin hilang jati diri. Mereka lebih gemar mengagung-agungkan budaya barat yang amat bertentangan sekali dengan norma masyarakat Timur. Lebih menyedihkan, ada antara kita yang sanggup memburukkan nama negara sendiri di mata dunia. Sambutan Hari Kemerdekaan perlu diadakan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat kita. Hal ini kerana generasi muda hari ini mudah hanyut dan terikut-ikut dengan budaya Barat. Mereka juga amat mudah meniru dan memandang tinggi bangsa luar, khususnya bangsa Eropah. Ke manakah hilangnya jati diri sebagai rakyat Brunei? Tepuk dada tanya selera. Oleh itu, seharusnya golongan muda mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara sendiri. Rakyat kita juga sewajarnya lebih mementingkan barangan buatan negara sendiri kerana ia dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Sudah terang lagi bersuluh bahawa menyambut hari kemerdekaan merupakan salah satu medium untuk mengukuhkan jati diri dan memupuk semangat cinta akan negara. Di samping itu, melalui Sambutan Hari Kemerdekaan, imej negara kita akan turut meningkat. Negara-negara asing akan mengenali Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman, harmoni dan sejahtera, secara tidak langsung, lebih ramai pelancong asing ingin berkunjung ke negara kita serta lebih ramai pelabur asing ingin melabur di negara kita. Hal ini dapat membantu meningkatkan sumber pendapatan negara sekali gus menjana ekonomi negara". **- Abdul Razak Haji Rais, Mata-Mata.**

"Pada pendapat saya, selain daripada dapat mengenang jasa tokoh, sambutan kemerdekaan juga penting bagi mewujudkan jati diri yang utuh dalam kalangan rakyat. Hari ulang tahun kemerdekaan negara yang kita sambut setiap tahun mempunyai kebaikan dan kepentingannya yang tersendiri. Hari tersebut merupakan hari kebesaran negara yang perlu disambut dan dihayati oleh semua rakyat yang cinta akan negara ini. Pelbagai acara dijalankan untuk menyambut hari ulang tahun kemerdekaan ini seperti mengadakan majlis perarakan atau perbarisan, memasang bendera pada bangunan, kenderaan dan sebagainya. Oleh itu, sambutan hari tersebut hendaklah diteruskan agar generasi muda yang menjadi tonggak negara pada masa hadapan akan mengerti dan menghayati kebaikannya. Namun seperti yang kita lihat belakangan ini, dapat kita lihat dengan jelas bahawa generasi muda kian hilang jati diri sebagai seorang warganegara Brunei Darussalam. Perkara ini dapat dibuktikan melalui sikap mereka pada hari ini yang terlalu mengagungkan budaya Barat sehingga melupakan identiti bangsa mereka sendiri seperti pemakaian, makanan, permainan dan tarian tradisional. Selain daripada pemakaian, golongan belia turut terpengaruh dengan budaya Barat daripada aspek pemikiran, perilaku dan adab. Oleh yang demikian, kita seharuslah mengekang perkembangan negatif yang bertunjang budaya kuning ini daripada terus mempengaruhi wangsa kita dengan menyambut hari kemerdekaan. Oleh itu, semangat patriotik harus kita semai sejak mereka di bangku sekolah lagi. Pengajaran mudah tentang negara, raja, pemimpin dan kemerdekaan, misalnya akan mampu membangkitkan rasa setia dan kasih mereka kepada negara. Bukankah 'melentur buluh itu mesti bermula daripada rebung'. Selain itu, langkah menanamkan rasa kasih dan cinta akan negara juga boleh disemadikan melalui sekolah ataupun universiti. Guru berperanan membantu pelajar menghormati bendera Negara dan juga lagu kebangsaan kita 'Allah Peliharakan Sultan' Kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Hari Kemerdekaan perlu diperluas agar diterima oleh semua lapisan rakyat. Kempen-kempen dan aktiviti perlu diadakan sepanjang masa dan bukan hanya terhad pada bulan kemerdekaan sahaja. Hal ini kerana perasaan cinta kepada negara perlu dipupuk dan disemai dalam jangka masa panjang agar terus subur". **- Hajah Siti Hazira binti Haji Said, Jangsak.**

Sambutan hari kemerdekaan pada 23 Februari setiap tahun pada pendapat saya selaku penulis Apa Pendapat Biskita sememang membawa makna yang besar kepada masyarakat dan negara. Sambutan ini memberi makna bahawa kita memiliki sebuah negara berdaulat. Usia kemerdekaan yang sudah mencapai 36 tahun ini tidak seharusnya melalaikan kita daripada mengingati negara. Kecintaan kepada negara (patriotisme) adalah satu semangat yang menuntut tanggungjawab, ketaatan dan pengorbanan. Kita harus memaknakan sambutan Hari Kebangsaan dengan mengulangi ikrar dan tekad sebagai rakyat yang bermaruah untuk memperbaharui semangat patriotisme kepada negara. Patriotisme bukan sekadar slogan dan simbol semata-mata, tetapi semangat yang mencetuskan pengaruh yang kuat bagi tingkah laku manusia mempertahankan kedaulatan negara dan menyejahterakan rakyat. Menghayati nilai-nilai sejarah kemerdekaan, menyanyikan lagu-lagu patriotik dan mengibarkan bendera negara antara cara memperkukuh semangat patriotisme dalam diri. Nikmat kemerdekaan mesti disyukuri dengan membina kehidupan yang menepati erti kemerdekaan semurni dan setulennya. Kemajuan yang digerakkan mesti seiring dengan pembangunan keinsanan.

Konklusinya, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang amat sayang akan negara, kita perlulah bersungguh-sungguh meraikan hari kemerdekaan di negara. Oleh itu, kita sebagai rakyat Brunei Darussalam perlulah menghargai nikmat kemerdekaan kita kecapi ini. Usaha bersepadu dan berterusan perlu dilakukan oleh semua pihak agar semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat terus bersinar.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

**i. Martabatkan Makanan Tradisional**
**ii. Lestarikan Alam Sekitar Tanpa Beg Plastik**

# Teknik terbaik menulis kertas kerja cadangan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



**PENGARAH Institut Penyelidikan Keselamatan Tenaga (ESRI) di Universiti Swansea, Profesor Dr. Andrew R. Barron menyampaikan Seminar 'How to Write Research Proposal and Secure Funding'.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Januari. - Seramai lebih 70 peserta menyertai Seminar 'How to Write Research Proposal and Secure Funding' yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, Universiti Teknologi Brunei (UTB), di sini.

Seminar yang dianjurkan oleh UTB ini bertujuan untuk membantu ahli akademik dan penyelidik dalam mengarang kertas kerja cadangan penyelidikan dengan baik dan mendedahkan teknik yang baik untuk meningkatkan peluang dalam mendapatkan pembiayaan daripada agensi dan industri kebangsaan serta antarabangsa.

Seminar tersebut disampaikan oleh Pengasas dan Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Tenaga (ESRI) di Universiti Swansea, Profesor Dr. Andrew R. Barron.

Profesor Dr. Andrew R. Barron dalam taklimatnya menyampaikan dua matlamat penting iaitu, pertama, memberikan gambaran menyeluruh mengenai proses penulisan proposal termasuk cara menyesuaikan projek dengan keperluan spesifik di negara ini; memastikan proposal memenuhi keperluan dan memastikan bahawa pengulas dapat menentukan nilainya. Manakala kedua, beliau juga menyediakan peta jalan untuk menulis serta menyediakan sumber yang berterusan kepada peserta.

Hadir pada seminar tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa dan Penolong Naib Canselor (Industri dan Perkhidmatan) UTB, Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Md. Taib. Turut hadir pada seminar tersebut ialah Pegawai-pegawai Utama UTB, kakitangan dan pelajar serta peserta dari institusi pendidikan tinggi yang lain di negara ini.

Profesor Dr. Andrew R. Barron mempunyai pengalaman selama 36 tahun dalam penulisan penyelidikan dan memperoleh lebih daripada $120 juta pembiayaan penyelidikan dan membuka lebih dari 20 syarikat melalui penyelidikannya.

Sementara itu, UTB dan Universiti Swansea telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada bulan Oktober 2018 yang memfokuskan kepada kepentingan peluang bagi kakitangan dan pelajar dari kedua-dua universiti untuk bertukar-tukar pengalaman dan perkembangan dalam aktiviti penyelidikan bersama yang saling memberi manfaat kepada kedua-dua universiti.



**ANTARA yang hadir mendengarkan Seminar 'How to Write Research Proposal and Secure Funding' tersebut.**



# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Bersama Memperkasa Belia Negara'.** Tarikh Tutup **: 22 Januari 2020**
2. **'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'.** Tarikh Tutup **: 29 Januari 2020**
3. **'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'.** Tarikh Tutup **: 5 Februari 2020**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan.**
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Kampung Kiudang terima lawatan Delegasi ATF Republik Korea

Berita dan Foto : Ihsan Saiful Bahri



**KETUA delegasi Republik Korea, Jang You Hyun menanam sepohon pokok sebagai tanda kenangan Lawatan Delegasi Republik Korea ke Kampung Kiudang.**

**KIUDANG**, Jumaat, 17 Januari. - Seramai 22 Delegasi Forum Pelancongan ASEAN (ATF) mengadakan Lawatan ke Kampung Kiudang, diketuai oleh Jang You Hyun dan isteri dari Republik Korea.

Ketibaan rombongan di Gerai Muafakat Kampung Kiudang disambut oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat Majlis Perundingan Kampung Kiudang dan Penasihat BASKIM; Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain; dan Pemangku Ketua Kampung Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Rombongan mula-mula dibawa menyaksikan Hasil Produk Kraf Tangan yang dibuat oleh Penduduk Kampung Kiudang, di mana mereka berpeluang menyaksikan cara-cara membuat kuih tradisi, Penyaram, juga melihat makanan tradisi lainnya, seperti Kelupis, Kek Dalamu, Wajid dan sebagainya.

Selain itu, rombongan turut diperkenalkan dengan produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Kampung Kiudang, iaitu Tea Herba (Daun Sambah Bangangan) dan melihat lebih dekat cara-cara memproses Tea Herba berkenaan.

Rombongan kemudian dibawa melawat ke Pelancongan Islam, iaitu Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baharu (BASKIM) di kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali selaku Penasihat Majlis Perundingan Kampung Kiudang dan Penasihat BASKIM.

Di sana, para delegasi berpeluang melihat aktiviti seperti pelajaran Al-Quran, cara-cara Sembahyang Berjemaah.

Di samping itu, rombongan turut diberikan tunjuk ajar cara-cara menulis huruf Jawi, seterusnya berkesempatan menulis huruf jawi, seterusnya menyaksikan jualan Produk Baskim.

Delegasi meneruskan Lawatan ke Galeri Ariffin, di mana terdapat barang-barang lama yang merupakan koleksi peribadi salah seorang Penduduk Kampung Kiudang, iaitu Awang Haji Ariffin bin Abdullah, antaranya mempamerkan koleksi pingat, hadiah sukan, sijil-sijil penyertaan dan gambar sukan.

Delegasi juga berkesempatan menyaksikan Persembahan Gendang Kebudayaan Kampung Kiudang pada lawatan tersebut.



**DELEGASI Republik Korea mendengar penerangan dan menyaksikan salah satu produk hasil Penduduk Kampung Kiudang (atas), sementara gambar bawah, mereka berpeluang menyaksikan cara pembuatan kuih tradisi kampung tersebut.**



# Memupuk tanggungjawab penduduk kampung

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Jumaat, 17 Januari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belais dan Buda-Buda hari ini mengendalikan aktiviti gotong royong membersihkan Taman Warisan Kampung Belais dan Buda-buda.

Aktiviti Gotong-Royong ini merupakan aktiviti tahunan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belais dan Buda-Buda.

Antara yang menyertai aktiviti tersebut, Pemangku Ketua Kampung Belais dan Buda-buda, Awang Md. Afnan bin Haji Gapor; Ahli-ahli MPK Belais dan Buda-Buda dan penduduk kampung sekitarnya.

Antara objektif gotong royong itu diadakan adalah untuk sama-sama menggerakkan MPK dan juga mengeratkan silaturahim di antara ahli-ahlinya dan penduduk kampung, di samping itu, ia juga sebagai satu pendekatan Jabatan Daerah Temburong melalui Institusi Mukim dan Kampung dan MPK untuk memastikan kebersihan dan juga langkah-langkah bagi menggelakkan kejadian banjir di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, juga untuk membudayakan masyarakat kampung tentang kepentingan kebersihan di sekeliling dan memupuk rasa tanggungjawab di kalangan ahli-ahli MPK dan penduduk kampung untuk mengekalkan gaya hidup sihat.



**SUASANA gotong royong membersihkan Taman Warisan Kampung Belais dan Buda-Buda.**

# Pendaftaran SMS Keputusan 'AS & A' 2019 dibukakan!

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan inisiatif dan kerjasama DST Communications Sdn. Bhd. (DST) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan B-C GCE Peringkat 'AS' & 'A' (Brunei-Cambridge General Certificate of Education Advanced Subsidiary and Advanced Level) Oktober / November 2019.

Ibu bapa dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini adalah dikehendaki untuk mendaftar secara dalam talian (*online*) melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan, di *www.moe.gov.bn* atau portal e-Darussalam di *www.gov.bn*.

Pendaftaran dapat dilakukan menggunakan telefon bimbit melalui SMS dengan memasukkan teks berikut, MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST; dan 38666 bagi pelanggan Progresif Cellular Sdn. Bhd.

Ibu bapa dan pelajar boleh melanggan perkhidmatan ini, mulai Sabtu, 18 Januari dan pembayaran sejumlah BND3 akan dikenakan bagi setiap Keputusan SMS yang diterima.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai cara pendaftaran, sila hantar pertanyaan ke e-mel *mach@machbrunei.com* atau layari laman sesawang *https://www.machbrunei.com/moe.*



# Kemajuan, kemakmuran bersama

Rencana dan Foto :
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

MENJEJAKKAN kaki di bumi China merupakan satu impian bagi semua, memandangkan ia merupakan sebuah negara yang maju dengan teknologi, bahkan dengan ketamadunannya seperti yang dibarigakan dalam catatan sejarah lagi, di mana mereka terkenal dengan ilmu pelayaran dan perniagaan. Dalam hadis sendiri ada menyatakan, 'Menuntutlah ilmu walau hingga ke negara China'.

Kegigihan orang China dalam memajukan dan membangun negara sejak 1949 lalu, kini terbukti apabila mereka berjaya menjadi kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia dengan kemajuan teknologi yang membanggakan dan dengan keamanan juga keharmonian yang dikecapi sepanjang 70 tahun.

Dalam meniti usianya kini, China berjaya menaik taraf kehidupan rakyatnya dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan pekerjaan kepada penduduknya di kawasan bandar mahupun pedalaman. China bakal mencatat sejarah tersendiri apabila menjelang hujung tahun 2020 akan keluar daripada belenggu kemiskinan.

Menyediakan latihan vokasional kepada para penganggurnya dan menarik para pelancong dengan keindahan tempatnya, juga mengekalkan kehijauan buminya dalam merancang dan membangun wilayah-wilayahnya menjadi daya tarikan tersendiri yang unik juga berharga bagi negara ini.

The Belt and Road Initiative (BRI) merupakan salah satu usaha China membina laluan kereta api merentasi beberapa negara seperti Jerman, Poland, Belarus, Rusia and Kazakhstan dan memasuki China melalui Pelabuhan Alashankou, Xinjiang Uygar yang bukan sahaja memberikan peluang meningkatkan ekonomi bagi China sahaja, tetapi juga kepada negara-negara di sepanjang laluan berkenaan, di mana mereka boleh menjual barangan mereka dan dibawa kembali ke China untuk dijual di kedai yang dikhaskan.

Ia memberikan jaminan barangan dihantar dalam tempoh 15 hari dan mampu memendekkan tempoh penghantaran daripada sebelumnya jika melalui laluan laut yang tertakluk kepada keadaan cuaca, namun kini halangan cuaca bukan halangan memandangkan BRI menggunakan kereta api melalui laluan yang dibina oleh China.

Selain itu, jika kita ingin memastikan kemajuan dan pembangunan negara berterusan, hendaklah memastikan bahawa infrastruktur negara diutamakan dan dimajukan dahulu. Jika mempunyai kewangan dan tenaga kerja atau tenaga kerja dan hasil semula jadi masih tidak memadai untuk membolehkan negara tersebut berkembang, membangun dan maju tanpa infrastruktur yang baik.

Selain itu, China juga mengamalkan untuk membantu mana-mana wilayah kurang maju dengan mengarahkan wilayah yang maju membantu dengan menghantar tenaga kerja yang diperlukan untuk membantu membangun dan memajukan wilayah berkenaan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh dan berat sama-sama dipikul dan ringan sama-sama dijinjing adalah antara amalan yang terus dikekalkan dan diterapkan oleh China dalam membangun dan memajukan negaranya.

Selain itu, China turut mendorong para ahli peniaga atau yang berkemampuan untuk sama-sama membantu, bukan sahaja wilayah yang memerlukan, bahkan negara yang memerlukan dalam sama-sama membantu pembangunan juga kemajuan negara berkenaan. Kepakaran mereka bukan sahaja dikongsi di dalam, bahkan juga luar negara.

Di samping memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan negara berkenaan, mereka juga berpeluang untuk membantu memajukan ekonomi negara tersebut. China turut membantu membina infrastruktur negara berkenaan dengan teknologi yang berpatutan dan bersesuaian dengan keperluan negara itu.

Secara tidak langsung ia juga memberikan peluang kepada penduduk tempatan menimba ilmu dengan bekerja bersama syarikat China tersebut. Sikap berkongsi yang diterapkan bukan sahaja bagi kepentingan China, tetapi dikongsi bersama negara-negara yang terbuka untuk menerima bantuan dan mengalu-alukannya.

Dari sudut teknologi, China merupakan antara pengeluar teknologi yang berkualiti dan termaju di dunia. Mereka bukan sahaja mencipta teknologi telekomunikasi sahaja, bahkan teknologi satelit, pembuatan barang, pertanian dan empangan-empangan hidroelektrik yang menjana tenaga elektrik juga air ke seluruh wilayah negara tersebut.

Apa yang penting kebajikan rakyat tetap diutamakan seperti membekalkan air, elektrik, pendidikan, kesihatan dan prasarana-prasarana yang berkaitan kepada rakyat juga penduduknya di bandar dan pedalaman negara berkenaan. Kemajuan dan pembangunan bukan hanya di bandar, bahkan juga di pelosok negara tetap menjadi keutamaan.

Kebersihan tetap menjadi keutamaan, di mana setiap hari sepanjang jalan raya kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh pekerja dengan berbekalkan penyapu, penyiut dan kenderaan khas dalam memastikan kebersihan terjaga. Inilah antara imej negara yang sentiasa dijaga dan dipelihara.

Kepercayaan, kebersamaan dan kegigihan mereka bersatu dalam membangun dan memajukan negara mereka terbukti dengan pembangunan dan kemajuan yang dikecapi kini. Bukan hanya dikongsi bersama rakyatnya, bahkan dikongsi bersama negara lain yang membukakan peluang dan pintu kepada mereka untuk mengongsikannya.



# 10 pasukan berentap rebut gelaran juara



AKSI-AKSI menarik pada Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-26, Tahun 2019 (atas dan bawah).



Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - 10 pasukan akan berentap bagi merebut gelaran juara Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-26, Tahun 2019 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kejohanan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' terdiri dari pasukan Kementerian Pendidikan; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pembangunan; Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Hal Ehwal Ugama (MORA) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Manakala pasukan Kumpulan 'B', terdiri dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA); Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Kementerian Kesihatan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA).

Pagi tadi berlangsung perlawanan peringkat saringan di gelanggang A bagi Kumpulan 'A' yang menyaksikan pasukan Kementerian Pendidikan bertemu MORA; Kementerian Pembangunan bertemu Kementerian Pertahanan dan pasukan JPM bertemu KKBS.

Sementara itu, di gelanggang B bagi Kumpulan 'B' pula, MTIC bertemu MOFE, diikuti pasukan MOH bertemu MOHA.

# Enam pelajar Temburong sertai STAR

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Jumaat, 17 Januari. - Seramai enam pelajar baharu Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) sertai Pengambilan Ke-23 bagi Tahun 2020 - 2021 di Daerah Temburong.

Sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu STAR bagi tahun 2020 berlangsung hari ini di Dewan Sekolah Arab, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai IRK dan Pelajaran Lanjutan Pejabat Pengajian Islam Temburong, Awang Jefry bin Othman dan diteruskan dengan taklimat mengenai sesi pembelajaran STAR.

Acara juga diserikan dengan Persembahan Tausyeh daripada Pelajar STAR Tahun 2 dengan Tausyeh 'Isyfa'lana'.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dan lawatan pelajar ke Bilik Pengajaran dan Pembelajaran STAR.

Bagi melahirkan remaja yang berpotensi dalam bidang pembacaan Al-Quran secara bertaranum, Jabatan Pengajian Islam telah memperkenalkan STAR sejak 1997.

STAR bertujuan untuk melatih dan membimbing remaja dalam pembacaan Al-Quran melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur, dari skim ini akan lahir pembaca-pembaca Al-Quran



TEMU BUAL bersama Pegawai IRK dan Pelajaran Lanjutan Pejabat Pengajian Islam Temburong, Awang Jefry bin Othman.

remaja yang berpotensi untuk dijadikan sebagai pelapis qari dan qariah negara ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Awang Jefry bin Othman, beliau mengongsikan pada tahun ini, seramai enam pelajar telah lulus dan berjaya dalam temu duga pengambilan pelajar-pelajar baharu STAR pengambilan ke-23 tahun 2020-2021 dan mereka akan belajar sebanyak dua kali dalam seminggu, iaitu pada Jumaat dan Ahad.

"Para pelajar dihasrat akan dapat belajar bersungguh-sungguh dalam mempelajari lagu-lagu Tilawah Al-Quran dan ilmu tersebut akan dapat diamalkan dan boleh bertanding di mana-mana pertandingan Tilawah Al-Quran dan seterusnya dapat menjadi wakil daerah mahupun wakil negara, insyaAllah," ujarnya.



PARA pelajar baharu Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) sertai Pengambilan Ke-23 bagi Tahun 2020 - 2021 di Daerah Temburong.

# Kota Rangers FC tewaskan PIP, 1 - 0





ANTARA aksi pada Perlawanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 16 Tahun (kiri dan kanan).

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto :
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Januari. - Projek Ikan Pusu (PIP) terpaksa akur dengan kekalahan mereka selepas tewas kepada Pasukan Kota Rangers FC, 0 - 1 dalam perlawanan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) Liga Belia Di Bawah 16 Tahun yang diadakan di Padang NFABD.

Mohd Rahimi menjaringkan gol Pasukan Kota Rangers FC pada minit ke-27.

Dalam perlawanan tersebut, dua pemain Pasukan Kota Rangers FC diberikan kad kuning, iaitu Ak. Mohd. Nor Ady pada minit ke-33 manakala Md. Syafiq Hilmi pada minit 34 dan minit 53.

Manakala bagi Projek Ikan Pusu, kad kuning diberikan kepada Md. Daniel pada minit ke-54.

Dalam perlawanan berasingan, Pasukan Tabuan menang bergaya selepas menewaskan Pasukan Indera SC, 3-0.

Pada perlawanan separuh masa pertama, Md. Syaherrul menjaringkan gol pertama pada minit ke-28 dan gol kedua pada minit ke-43.

Pada minit ke-54, pasukan Tabuan menjaringkan gol ketiga hasil jaringan Ak Mohd. Idzzaham.

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

SEBANYAK enam kategori dipertandingkan pada Perlumbaan Mountain Bike sejauh 3.2 kilometer, iaitu Kategori Terbuka Lelaki, Kategori Terbuka Perempuan, Kategori Veteran, Kategori Men Master Veteran, Kategori Fatbike dan Kategori Heavyweight yang bermula dan berakhir di pekarangan letak kereta Universiti Teknologi Brunei baru-baru ini.

ePaper Pelita Brunei

# Liga Super Brunei 2020 buka tirai Februari ini



PRESIDEN NFABD, Pengiran Matusin bin Pengiran Matasan semasa berucap (kiri). Sementara gambar bawah, wakil juara Piala FA musim lalu, Kota Ranger FC semasa menjawab soalan yang diajukan pada sidang media tersebut.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Jumaat, 17 Januari. - Kejohanan Liga Super Brunei 2020 akan membuka tirainya dengan menampilkan penyertaan yang lebih meriah daripada penganjuran terdahulu.

Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) telah menyusun langkah yang perlu melalui pertandingan bola sepak yang dikhususkan kepada ahli NFABD serta kelab-kelab bola sepak tanah air yang bernaung di bawahnya.

Perkara tersebut diperincikan oleh Presiden NFABD, Pengiran Metussin bin Pengiran Metassan semasa Sidang Media Liga Super Brunei 2020.

Semasa sidang media yang diadakan di NFABD House, di sini, beliau turut menyatakan terdapat penambahan pasukan-pasukan yang bakal beraksi iaitu daripada 10 pasukan pada musim lalu kepada 16 pasukan pada musim ini yang mana ia bakal berentap di dalam dua pusingan.

Sebanyak 30 perlawanan dijangka bakal dilalui oleh setiap pasukan dalam memastikan prestasi yang mantap bakal dipamerkan oleh setiap pasukan masing-masing.

Presiden NFABD juga menyeru agar pasukan-pasukan yang mengambil bahagian untuk mengikuti *club licensing* dan mengambil langkah-langkah tertentu yang telah digariskan oleh AFC dan NFABD.

Ujar beliau lagi, AFC dan AFF amat menitikberatkan agar pasukan-pasukan tersebut mengikuti *club licensing* sebagai syarat untuk melayakkan kelab-kelab berkenaan untuk bermain di persada serantau dan juga antarabangsa.

Liga Super Brunei 2020 bakal memulakan perlawanan pada 28 Februari depan dan akan berlangsung sehingga Oktober dan November 2020.

Presiden NFABD juga menyatakan persiapan rapi dari setiap pasukan telah dibuat dan yakin semua pasukan akan mematuhi peraturan-peraturan kejohanan serta berharap kejohanan itu nanti berjalan dengan teratur dan berjaya.

Antara pasukan-pasukan yang bakal mewarnai Liga Piala Super Brunei 2020 nanti antaranya juara bertahan MS ABDB, Juara Piala FA Kota Ranger FC, DPMM FC, Indera SC, Kasuka FC, Wijaya FC, Panchor Murai FC, Rimba Star FC, IKLS-MB5 FC, Setia Perdana FC, BAKES FC, MS PPDB, Lun Bawang FC, BSRC FC, KB FC dan Akedemi Tabuan.

Semasa ditemu bual oleh wakil media, pasukan MS ABDB kini kerap menjalani latihan dalam menyediakan pasukan tersebut untuk perlawanan itu nanti.

Sementara itu, wakil Setia Perdana FC menyatakan kejohanan liga ini merupakan landasan bagi meneroka pengalaman, di samping bakal menurunkan pemain-pemain muda pasukan tersebut.

Manakala BSRC FT dari Daerah Belait bakal menurunkan kombinasi pemain lama dan baharu dalam sama-sama beraksi dan mewarnai kejohanan liga itu nanti.



WAKIL-WAKIL pasukan yang bakal berentap pada Kejohanan Liga Super Brunei 2020.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (kiri) menyampaikan Piala Pusingan 'Perlawanan Merintis' kepada Rejimen Pasukan Khas yang mengumpul 4,570 mata untuk merangkul gelaran juara.

# RPK juara Perlawanan Merintis

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**PUTAT**, Jumaat, 17 Januari. - Menguji stamina, fizikal dan mental anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), 'Perlawanan Merintis' merupakan perlawanan untuk menguji para anggota dalam mencari *check point* pada masa yang ditetapkan dengan menggunakan kemahiran membaca peta.

Para peserta juga diberikan masa yang terhad untuk mencari *check points* yang ditetapkan.

Dengan mengumpul 4,570 mata, Rejimen Pasukan Khas (RPK) menjuarai perlawanan kali ini yang diadakan di Sekolah Rendah Kampung Putat.

Naib johan dimenangi oleh Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dengan memperoleh 4,430 mata, manakala Kementerian Pertahanan menduduki tempat ketiga dengan mengumpul 3,715 mata.

Perlawanan tersebut mengetengahkan dua kategori utama, iaitu acara berpasukan dan acara individu.

Pasukan yang ikut serta terdiri dari TDDB, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Kementerian Pertahanan dan RPK.

Bagi Kategori Individu, Kategori 40 Tahun Ke Atas, Kategori 35 Ke 40 Tahun; Kategori 30 Ke 34 Tahun dan Kategori 29 Tahun Ke Bawah.

Juara bagi Kategori 29 Ke Bawah dimenangi oleh 51514 LKPL Abd. Aziz, manakala bagi Kategori 30 Ke 34 Tahun disandang oleh 19092 Kpl Ak Abd Halim.

Kategori 35 Ke 40 Tahun diraih oleh 15739 SSjn Sardi dan 12561 SSjn Othman menjuarai Kategori 40 Tahun Ke Atas.

Hadir menyampaikan hadiah ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

# Tahukah Awda

**PERUSAHAAN** Kecil dan Sederhana Brunei (PKS) Nextacloud Technologies, Memori MY Sdn. Bhd., Printmartz Advertising dan Rokiah Nursing Consultants and Services adalah antara perniagaan ASEAN yang memenangi Anugerah Perniagaan ASEAN (ABA) di Bangkok, Thailand.

ABA yang diadakan pada tahun 2019 adalah sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ABIS) 2019, menyaksikan 81 perusahaan dari blok serantau menerima anugerah dalam 11 kategori.

ABA dilancarkan sebagai inisiatif Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) pada tahun 2007 bagi mengiktiraf perusahaan yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi rantau ini di samping mempromosikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

**Sumber : Siaran Akhbar Darussalam Enterprise (DARe), 7 November 2019.**

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ALLAH MELAKNAT ORANG MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB MENCEGAH KEMUNGKARAN'

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam